



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJI YUSOB BIN HANAPIAH
USAHAWAN TEMPE TANI**

OLEH:

**NORSYAMIMI BINTI GHAZALI 2013527581
NUR AZURA BT IDRIS 2013957003**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJI YUSOB BIN HANAPIAH
USAHAWAN TEMPE TANI**

OLEH:

NORSYAMIMI BT GHAZALI	2013527581
NUR AZURA BT IDRIS	2013957003

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat illahi kerana tanpa keizinan dan keberkatan-Nya kami mungkin tidak dapat menyiapkan wawancara ini dengan jayanya. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi peluang dan kerjasama kepada kami untuk menyiapkan wawancara ini.

Ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan ditujukan khas kepada Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah sebagai tokoh pilihan kami kerana sudi memberikan kebenaran kepada kami untuk menemubual beliau dan banyak memberikan kerjasama dalam setiap wawancara yang kami lakukan

Tidak ketinggalan juga penghargaan ini ditunjukkan kepada pihak Universiti Teknologi Mara Kelantan khususnya kepada Puan Nurulannisa Bt Abdullah selaku pensyarah bagi kod kursus IMR604 yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar daripada awal sampai akhir proses penulisan transkrip ini dilakukan.

Sesungguhnya, kajian ini memberikan satu lagi khazanah yang tidak ternilai mengenai biografi tokoh yang banyak memberikan sumbangan di negeri Kedah tanpa kita sedari. Usaha ini akan terus dilakukan untuk menjadi tatapan umum khususnya kepada generasi baru.

Sekian terima kasih.

NORSYAMIMI BT GHAZALI

Penemubual

Nur Azura Binti Idris

Penemubual

07/05/2015

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Ringkasan temubual ini adalah antara tokoh Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah dan pelajar Norsyamimi Bt Ghazali dan bersama Nur Azura Bt Idris bertempat di rumah beliau Kampung Malau, Jitra, Kedah pada 07/05/2015 jam 3.00 petang. Temubual ini berkaitan dengan biografi atau sketsa personality kepada Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah yang mana merangkumi latar belakang peribadi, pendidikan dan pengalaman sepanjang bergelar sebagai usahawan tempe tani yang telah banyak mencorak keperibadian tokoh yang dikaji. Banyak sumbangan yang dicurahkan oleh tokoh terhadap masyarakat khususnya sekitar kawasan Jitra, Kedah dan di negeri-negeri utara secara amnya. Kegigihan dan semangat beliau yang tinggi untuk berjaya dalam bidang yang diceburi merupakan asset yang cukup berharga dalam kehidupan yang telah dibuktikan oleh tokoh melalui kehidupan tokoh sekarang. Mengamalkan prinsip usaha dan tawakkal kepada Allah s.w.t selain mencurahkan bakti kepada masyarakat setempat dalam bidang sosial dan kebajikan merupakan resepi yang menjadi teladan. Kajian ini sesuai untuk dibukukan kerana ia mengandungi maklumat berkaitan sejarah dan latarbelakang kehidupan tokoh yang penuh liku dan onak sehingga mengecapi nikmat dan kejayaan sebagai seorang usahawan tempe tani yang terkenal di negeri Kedah.

Kata kunci: Yusob Bin Hanapiah, tempe tani, tempe jitra, T.N.K Utara

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	v
Pengenalan.....	
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1 - 5
Pendidikan.....	6 - 9
Pengenalan Tempe.....	10 - 39
Bahagian 2: Perkembangan Tempe.....	40 - 46
Nasihat dan Bimbingan.....	44 - 45
Rujukan.....	
Lampiran	
Log Wawancara.....	50 - 52
Diari Kajian.....	53 - 54
Senarai soalan.....	55 - 59
Surat Perjanjian.....	60
Gambar.....	61 - 62
Keratan Akhbar.....	63
Indeks.....	

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Haji Yusob Bin Hanapiah
Panggilan : Manap
Umur : 61 tahun
Tarikh lahir : 25/04/1954
Tempat lahir : Hospital Jitra, Kedah
Alamat : Kampung Lubuk Ipoh, Bukit Malau, Jitra, Kedah
Bilangan adik-beradik : 6 orang (Anak yang ke-3)
Nama isteri : Noorasmah Binti Husain
Bilangan anak : 6 Orang
Bidang yang diceburi : Usahawan
Pekerjaan : Membuat dan menjual "Tempe Tani"
Pekerjaan sebelum : Petani
Tahun penglibatan : 1983 (30 tahun)

PENGENALAN

PENGENALAN

"Tempe" adalah makanan popular dan istimewa di Indonesia. Perkataan "tempe" juga berasal dari perkataan Jawa. Walaupun harga "tempe" murah tetapi ianya mengandungi banyak protein. Ia juga boleh membantu mencegah dari serangan jantung dan tekanan darah tinggi. Sebelum ini, "tempe" tidak terkenal di negeri-negeri utara tetapi apabila Haji Yusob Hanapiah bin memperkenalkan "tempe" ke negeri utara, ia menjadi lebih popular. Nama "tempe" yang menghasilkan oleh Haji Yusob bin Hanapiah adalah "tempe tani". Berikut adalah beberapa kajian yang kami menjalankan untuk menyelesaikan dokumentasi lisan kami iaitu bagi kod subjek (IMR 604).

Haji Yusob bin Hanapiah, berusia 61 tahun telah terlibat dalam proses membuat dan menjual "tempe tani" selama 30 tahun. "Tempe" beliau telah diberi nama sebagai "tempe tani" kerana beliau mengambil dari perkataan "Petani". Sebelum ini, beliau bekerja sebagai "Petani". Beliau mendapat idea untuk memperkenalkan "tempe tani" ke negeri-negeri utara pada awal 20an, dia keluar dari kampung halaman untuk mendapatkan pengalaman hidup sehingga sampai ke Kota Tinggi, Johor. Di sana, dia cuba perkara yang baru. Beliau merasakan sedikit pelik kerana tidak pernah makan makanan orang Johor iaitu tempe di Kedah. Setelah makan makanan itu, rakan beliau memberitahu bahawa makanan yang pelik itu ialah "tempe masak lemak cili api". Kemudian, beliau tertarik dengan keunikan "tempe" dan memutuskan untuk mempelajari proses pembuatan makanan itu. Pada mulanya, beliau tidak suka dengan rasa "tempe" tetapi lama-kelamaan beliau mula jatuh hati dengan "tempe" yang mempunyai rasa dan tekstur yang unik.

Beliau mempelajari proses pembuatan "tempe" dari rakan di Kota Tinggi dan kemudian beliau kembali ke Kedah untuk memperkenalkan "tempe" ini kepada masyarakat di negeri itu. Haji Yusob mula menjual "tempe" di pasaran sekitar Kedah dan membuat "tempe" lebih terkenal. Beliau membuat keputusan untuk memasak "tempe" dan mengajar kepada pelanggan bagaimana untuk makan "tempe". Pada masa itu, orang-orang di sekitar Kedah tidak tahu mengenai "tempe" dan beliau perlu menjelaskan kepada mereka apa yang "tempe".

Pada mulanya dia mula menjual "tempe", dia membalut "tempe" dengan "pokok leret" cuti. Apabila Universiti Utara Malaysia telah ditubuhkan di Kubang Pasu, yang "tempe" menjadi lebih popular di kalangan rakyat kerana banyak orang datang dari seluruh negara terutama dari negeri ini yang popular dengan "tempe" seperti dari negeri selatan.

Setelah kita membaca artikel berkaitan "tempe tani", kami membuat keputusan untuk memilih Haji Yusob bin Hanapiah sebagai tokoh kita kerana kita tertarik dengan beliau dalam usaha membuat "tempe tani" menjadi popular di kalangan rakyat di Kedah. Selain daripada itu, sebab kita memilih Haji Yusob bin Hanapiah sebagai tokoh kami adalah untuk mengetahui bagaimana dia menghadapi halangan semasa 30 tahun terlibat dalam membuat dan menjual "tempe tani".

Dalam usaha untuk menghubungi, kita mencari nama Haji Yusob melalui carian Google tetapi malangnya tidak ada maklumat hubungan mengenai beliau. Hanya ada artikel mengenai "tempe tani". Kemudian, kami tidak berputus asa dan kami cuba untuk mencari di Facebook dan kami mendapati anak perempuannya. Oleh itu, kami mengumpul maklumat mengenai Haji Yusob melalui nama anak perempuannya Nurul Zahidah.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang wawancara tokoh Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah yang merupakan seorang usahawan tempe tani yang terkenal pada masa kini bersama seorang pelajar UiTM. Rakaman ini merangkumi latar belakang tuan haji, sejarah pendidikan, sejarah tempe dan pengalaman kerjaya beliau beserta dengan beberapa nsihat yang berguna. Rakaman ini dibuat di kediaman rasmi beliau di Kampung Malau, Jitra, Kedah pada tujuh Mei dua ribu lima belas [07/05/2015] selama dua jam dari tiga [3.00] petang sehingga lima [5.00] petang. Berikut adalah hasil rakaman:

Petunjuk:

THY: Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah
NS : Norsyamimi

KASET A BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH, PENDIDIKAN DAN PENGALAMAN SEBAGAI USAHAWAN TEMPE

NS : Assalamualaikum. Kami dari Universiti Teknologi Mara, Kelantan. Fakulti pengurusan maklumat. Saya Norsyamimi binti Ghazali dan ni [ini] kawan saya, Nur Azura binti Idris. Kami nak [hendak] temuramah tuan haji tentang macam pengalaman tuan haji dalam bidang pembuatan tempe.

THY Tempe. Maksudnya pengalaman tu [itu] macam mana pengalaman tu.

NS Pengalaman dan macam mana nak [hendak] proses tempe tu [itu]?

THY Daripada mula?

NS **Sekarang ni [ini] boleh tak tuan haji memperkenalkan dulu latar belakang tuan haji? Contohnya macam nama penuh (bunyi kenderaan lalu).**

THY : Nama pakcik apa di kampung ni [ini] orang panggil Manap. Kalau nama dalam surat beranak [*sijil lahir*] Haji Yusob bin Hanapiah. Alamat dia Kampung Lubok Ipoh, Mukim Malau, Jitra, Kedah. La [*sekarang*] umur pakcik enam puluh satu (61). Pakcik mempunyai tiga [3] orang anak kandung, anak tiri seorang dan isteri yang sulung dan meninggal. Ni [ini] isteri yang kedua. Lepas tu, [*selepas itu*] apa lagi? (bunyi kenderaan lalu).

NS : **Dimana tuan haji dilahirkan dan dibesarkan?**

THY : Dilahirkan disini, dibesarkan disini. Di tempat ni [ini] lah, di kawasan Lubok Ipoh ni [ini]. Latar belakang pakcik dulu, pakcik seorang petani. Lepas [*selepas*] ja [*sahaja*] pakcik persekolahan tamat, SRP masa tu. Sijil Rendah Pelajaran ataupun L.C.E kan. Level Certificate of Education. Cey, pandai dah [*sudah*] cakap omputih [*english*]. (bunyi kenderaan lalu). Selepas itu, pakcik --- Masa [*semasa*] tu [*itu*] pakcik secara tak [*tidak*] langsung, ganti orang tua [*bapa*] pakcik sebab adik adik pakcik banyak yang sekolah. Orang tua [*bapa*] pakcik dah [*sudah*] meninggal. Jadi membantu mak untuk membesarkan adik untuk nak [*hendak*] ke sekolah. Jadi pakcik mula ambil tanggungjawab sebagai orang tua dari umur pakcik tujuh belas (17) tahun. Pastu [*selepas itu*] Alhamdulillah lah, pengalaman pakcik bergaul gaul. Walaupun pakcik muda tapi [*tetapi*] bergaul

dengan orang tua. Masa tu [itu] pakcik orang muda, duk [tengah] bergiat dalam NGO dalam kampung ni [ini] semua pakcik masuk. Jadi, orang kata biar lah persatuan persatuan apa pun, politik ka belia ka pakcik memang pakcik masuk. Cuma pakcik kalau mengaji [belajar] pun kan, mengaji [belajar] agama yang persendirian. Pi [pergi] bukit bukit, masjid masjid macam tu ja. Bukan pakcik pi [pergi] masuk sekolah pondok macam tu [itu]. Tu [itu] pengalaman pakcik dalam ilmu agama --- tu [itu] atas daya usaha sendiri, pi [pergi] kelas malam, pakcik jalan dari satu masjid ke satu masjid ada kuliah kan tapi [tetapi] kalau takat [setakat] orang kata --- dari situ lah pakcik berkawan dengan orang tua tua, masuk NGO apa, pakcik rasa boleh luas sedikit pandangan kita orang kata boleh berfikiran secara terbuka bukan ni [ini] apa saja. Tu [itu] pengalaman pakcik. Sehingakan pakcik --- pastu [selepas itu] apa lagi?

NS : Selalu kalau masa lapang, tuan haji selalu melakukan aktiviti apa?

THY : Masa lapang ni [ini], semasa mana? Semasa muda, semasa mudalah. Semasa muda/ remaja/ bujang dulu pakcik jenis berpersatuan ni [ini] lah. Apa saja pakcik ambil. Hang [awak] main silat ka apa ka, semua pakcik ambil. Sukan ka, yang sesuai dengan pakcik, pakcik masuk. Jadi, masa tu [itu] tiada banyak masa terluang pasal pakcik banyak kerja untuk nak [hendak] cari duit sebab adik adik sekolah masa tu [itu] banyak. Adik sekolah, kak sekolah. Zaman tu [itu] sekolah bukan ada bantuan macam la [sekarang], tambah sekolah arab. Kak sorang [seorang], adik sorang, masuk sekolah arab. Masuk sekolah arab tu [itu] belanja tinggi lah dengan yuran apa semua. Tu [itu] latar belakang pakcik sehingga lah

depa [mereka] dah [sudah] bekerja. Kak dah [sudah] mula bekerja, pakcik kurang sikit [sedikit]. Jadi pakcik kahwin tahun sembilan belas lapan puluh (1980). Tahun lapan puluh tiga (1983) pakcik dapat anak yang sulung. Dari situ pakcik mula dapat, tu [itu] lah pakcik mula buat tempe dan situ pada tahun sembilan puluh empat (1994) atau sembilan puluh lima (1995) baru pakcik dapat bantuan. Dari situ mula lah pakcik pakai ambil pakai pekerja dan mula berkembang tempe. Bila tahun tu [itu], pakcik mula pakai sorang [seorang] dua [2] pekerja, baru tak teruk. Masa tu [itu], dah mula orang kenai tu [itu] banyak. Masa 90an tu [itu], masa tu [itu] keluaran banyak. Pakcik ingat masa tu [itu] sehari sampai seribu lima ratus (1500) keping. Jadi, semua orang seluruh kedah ni [ini], tempe pakcik lah, tempe lain takdak [tiada] lagi. Ada lah dari pekerja pekerja pakcik ni [ini] lah, sekarang buat sendiri. Takpa [tak mengapa] lah lebih kurang ja [sahaja] lah. Rezeki masing masing. Pakcik pun dah [sudah] kurang dah [sudah] buat tempe. Ni [ini] bila pakcik dah [sudah] berumur dah [sudah], ambil pencen lah jugak ni [ini] kan kalau kerja kerajaan ni [ini] kan. Lepas tu [itu] pakcik turunkan dekat anak. Ni [ini] anak yang uruskan, dia pun takdak [tiada] tempat lain, kat [dekat] tempat pasaran yang pakcik sedia ada ja --- Tu [itu] pun macam tempe tu pun yang brand [jenama] pakcik - - Tempe ada brand [jenama] kan? Tu [itu] tempe tani tu [itu] yang pakcik boh [letak] tu [itu] sempena pasal pakcik dulu seorang petani. Haa jadi, tempe tani, jadi seorang petani ke seorang pengusaha. Jadi tempe tu [itu] dinamakan tempe tani. Tu [itu] tempe brand [jenama] pakcik insyaallah daripada dulu sampai sekarang ni [ini] pakcik tak [tidak] tukar. Memang brand [jenama] tu [itu] lah. Haa apa lagi cek

[*awak*]?

NS : Tuan haji ada berapa orang adik beradik?

THY : Kami semua enam.

NS : Anak yang ke berapa?

THY : Yang. Pakcik anak yang ketiga. Haa dua orang kak, tiga lagi adik lah.

NS : Macam setiap orang kan ada cita-cita. Tuan haji ada tak cita – cita dulu nak jadi apa?

THY : Cita – cita pakcik ni [*ini*] dari dulu lagi cuma nak jadi orang kata pengusaha yang berjaya lah tapi la pun Alhamdulillah lah takat [*setakat*] kejayaan la [*sekarang*] ni [*ini*] Alhamdulillah. Kalau ikut ni [*ini*] nak kena berjaya sampai begini begini. Pakcik rasa, kalau bercakap ni [*ini*] mungkin tak [*tidak*] berapa sesuai lah kejayaan tu [*itu*] cukup lah bagi diri pakcik lah. Takat [*setakat*] ni [*ini*] cukup. Kalau lebih daripada ni [*ini*] mungkin pakcik tak [*tidak*] duk [*duduk*] tempat ni [*ini*] (ketawa). Mungkin. Pakcik punya fesyen, mungkin kilang besar dari ni [*ini*]. Banyak jugak agensi agensi yang nak [*hendak*] join [*turut serta*], nak [*hendak*] bagi berkembang tapi [*tetapi*] pakcik tolak. (*Ada orang memanggil tuan haji*). Haa bukan kata, orang kata dak [*tidak*] lah. --- Haa macam pakcik kata tadi lah. Bukannya takmau [*tidak mahu*], biar orang lain. Kalau anak nak [*hendak*] buat, buat. Kalau pakcik, setakat ni [*ini*] ja. Tambah tambah pulak, dengan unur pakcik la [*sekarang*] ni [*ini*], umur dah [*sudah*] zon

maut dah [*sudah*]. (*ketawa*)

NS : Bolehkah tuan haji menceritakan serba sedikit tentang sejarah pendidikan?

THY : Pendidikan. Ooo pakcik ni [*ini*] sekolah biasa. Sekolah, masuk sekolah rendah. Macam biasa lah, dari sekolah rendah masuk sekolah menengah. Sekolah menengah masuk masa tu [*itu*] pun, SMJ (*Sekolah Menengah Jitra*) tu [*itu*] dia ada dua [2] ni [*ini*], Malay dengan English tapi pakcik ambil Malay. Lepas tu, ambil SRP, gagal. Dapat C. Pangkat C. Haa lepas tu [*selepas itu*], pakcik return di Melele. Sekolah arab, Melele tu. Orang Jitra tau lah. Haa, ITM. Masa tu ITM awal lagi. Institute Teknologi Melele (*ketawa*). Sekolah arab Melele tu. Pakcik duk situ pun, p [*pergi*] ambil untuk return ja. Bukan pakcik ambil bahasa arab apa. P [*pergi*] situ pun bila periksa dapat lebih kurang keputusan. Pangkat C lah. Pakcik buat keputusan, pakcik berhenti. Macam mak ni nak bagi jugak tapi pakcik kata, “cukup lah mak”. Pakcik berhenti untuk bantu mak. Masa tu dia memotong getah nak sara kami empat, lima beradik yang sekolah kan. Jadi, pakcik bantu dia. Dari pakcik kecil lah. Dari pakcik umur tujuh belas tahun tu, pakcik mula bantu mak untuk buat kerja. Semua kerja pakcik buat lah masa tu. Pengalaman pakcik, kalau nak tengok, pengalaman pakcik memang banyak. Buat berkebun, buat bendang [*bersawah*], besa jadi kelendang [*pembantu*] lori. Walaupun umur tu muda lagi, jadi kelendang [*pembantu*] lori masa dulu kena tanggung padi tau. Kalau cerita --- (*ketawa*). Zaman bukan ada machine [*mesin*], pakai pukul, banting tu. Mungkin kalau cerita, cerita ja. Tak boleh bayang

macam mana. Nak belajar sawah, pakai kerbau. Tak pakai moden lah, zaman dulu. Pas tu [selepas itu] kalau jadi kelendang [pembantu] lori pon, padi dia masuk dalam satu guni tu, nak p bukit tu tanggung. Jadi kelendang [pembantu] lori dulu memang teruk. Nak kena tanggung guni tu. Tapi tu [itu] lah zaman tu [itu] Allah bagi kuat. Orang zaman tu [itu] kuat. (ketawa). Tu [itu] pengalaman kalau kita kata. Pengalaman pakcik macam macam. Zaman muda ada persatuan, semua persatuan pakcik masuk. Hang [awak] silat ka. Kalau untuk aktiviti silat ni [ini] kan, jaguan lah dulu ni. Kalau cakap bab ni [ini], dulu pakcik jaguan lah. Kalau orang kata nak bergaduh ---. Zaman dulu. Macam tu bila tengok pengalaman pakcik tapi Alhamdulillah, segala pengalaman pengalaman pakcik walaupun pakcik banyak jugak belajar ilmu yang sihir tu. Itu sebagai pengalaman pakcik. Bila pakcik jumpa ni [ini] pakcik dapat beza. Ilmu yang mana satu yang elok. Kita boleh tapis. Sebab tu [itu] hari ni [ini] bila kawan kawan mai nak mintak ilmu ilmu tu, pakcik kata tak perlu. Walaupun ilmu tu kita kata nak jadi kuat ka apa ka, kebal ka. Itu bukan. Ini lah Alhamdulillah sebab pengalaman pakcik. Sebelum pakcik nak sampai ke tahap hari ni [ini], pakcik serba sidikit sebanyak pakcik dah ikut macam macam ajaran lah yang ilmu kebal, ilmu kuat lah. Tapi semua tu, kadang kadang akidah tu lari. Tu [itu] lah hari ni, masalah bila kawan kawan mai [datang] nak mintak ilmu tu, pakcik dapat beda [beza]. Cukup lah takat itu, ini tidak boleh, ini tidak boleh. Insyaallah daripada situ, pengalaman pakcik cebur diri dalam bidang apa pun, semua pakcik cebur. Bila tu [itu] insyaallah, bila Tuhan dah bagi sampai peringkat umur ni [ini] pakcik boleh kalau nak ajak kawan kawan dan anak anak pun ikut

jalan sebenar. Jangan ikut lain. Sebab tu [itu] dari segi perniagaan pun, kalau siapa pun mai nak belajar ilmu buat tempe ni, pakcik akan bagi sebab tempe --- Berniaga tu memang berat bahu sebab Rasulullah pernah bersabda sembilan (9) per sepuluh (10) daripada rezeki tu [itu] daripada perniagaan. Macam mana kita nak kenal apa itu perniagaan yang dimaksudkan oleh Rasulullah tu sebab dalam Al-Quran Allah berkata, “Allah menghalalkan berjual beli dan mengharamkan riba”. Kita nak kena beda [beza] ni. Kalau kita tak kenal, walaupun Sembilan (9) per sepuluh (10) rezeki kita dalam perniagaan, tapi kita mesti nak kena kenal. Allah berfirman kata “Allah menghalalkan berjual beli dan mengharamkan riba”. Kita nak kenal yang tu [itu] dulu. Ini cara hidup kita. Cara hidup kita, kita orang Islam. Mungkin, tak [tidak] kata apa tapi siapa yang mai [datang] pakcik akan kata benda yang sama. Sebab kita orang Islam hat [yang] ni dulu kita nak kena tetapkan. Kalau kita p [pergi] jauh pun, yang ni kita kena pegang. Islam itu --- dimana, apa bidang kita sekali pun, kita kena letak Allah didepan. Bila itu kita letak didepan, insya-Allah. Kalau kita takdak [tiada] itu, akidah ni tadi mungkin --- luar pada topik tak? Tak kut? Sebab ni [ini] orang kata --- pakcik kata ni [ini] memang sebab akidah tu [itu] penting. Sebab akidah ni [ini] nanti bukan kita nak masuk satu kumpulan, satu kumpulan yang tertentu. Akidah ni sebenarnya berpunca dari diri kita. Letak di diri kita. Contoh pakcik nak kata, yang kata akidah ni, kepercayaan tauhid [satu] kita kepada Allah S.W.T. Selain daripada kita bertauhid selain dari Allah, akidah kita rosak kan? Kadang kadang makan ubat tu [itu] pun kita boleh jatuh akidah. Bukan kena nanti banyak. Sebab contohnya, “aishh, kalau aku tak makan penadol tu, aku sakit pala, mati dah pa,

tak jumpa ubat ni takdak dah.” Jadi itu, kita kata ubat itu memberi bekas. Kadang kadang ini macam ini, macam mengaji ni, “ni aku punya tesis ni” kalau buat PhD. Kita kata, “tengok semua pakat pakai tesis aku.” Kita pakat duk kata kita.. bagi untuk mengelakkan ini, sedikit ja bukan banyak walaupun kita sampirkan usaha kita tu. Ini kadang kadang kita sampirkan Allah. Kita usaha dulu lepas tu kita tawakal. Itu silap. Kalau kita kata kita usaha, lepas tu baru kita berserah dekat Allah. Jadi kita sampirkan Allah. Kita dahulu kan usaha kita. Jatuh akidah. Okay, understand [faham]? (ketawa). Jadi sikit sangat, tak [tidak] payah nak susah, jaga. Terkadang kadang kita mengaji, kita letakkan itu diri kita, kuasa kita, pandai kita, cerdik kita tapi kalau kita letak Allah dulu yang lain sampirkan. Bila kita letak Allah didepan yang lain tu sampirkan, insyaallah akidah kita sempurna. Itu motivasi tu memang pakcik bagi, siapa pun yang mai sini sebab pakcik takut esok, “hai pakcik, pakcik tak ingatkan kami.” Nak dakwa pakcik pulak. Kami p rumah pakcik. Itu lah insya-Allah, faham. Itu akidah, bukan nanti kita masuk kumpulan tu [itu], kumpulan ni [ini]. Jadi diri kita. Okay, kita sambung balik. Tu extra extra. Walaupun extra tu penting (ketawa).

NS : Tuan haji waktu awal awal jual tempe ni [ini] waktu tu [itu] umur berapa?

THY : Umur. Eh kalau tahun tiga --- tahun tiga puluh (30) lah lebih kurang lah. Tiga puluh (30), pasal tahun ni --- tarikh lahir tahun sembilan puluh empat (94). Tahun lapan puluh tiga (83), tiga puluh (30) lah.

NS : Waktu awal awal perkenalkan tempe tu dekat sini, macam mana orang

keliling punya respons?

THY : Allah. Yang tu [itu] teruk. Macam macam. Ada yang mai [datang] tanya apa benda, macam mana nak buat, macam mana makan, macam mana benda ni berkulat. Yang mai [datang] tengok ni apa. Ada setengah orang tua tu, hat [yang] tok tok [orang-orang tua] tu, dia tegok putih tu, “kapur ka cek ni?” sebab kapur dulu, bungkus dalam daun itu. Dia sangka itu kapur. Bermacam macam cara. Pengalaman yang menggelikan tu cukup banyak. Pakcik perkenalkan tempe ni. Pakcik ingat kalau kadang kadang bila tengok diri kita ni, takdak [tiada]. Orang tak [tidak] kenal lagi. Orang melayu pon tak [tidak] kenal lagi. Pernah pakcik jual kat pasar raya Alor Setar dulu, mai [datang] sorang ini beli sampai sepuluh. Sampai pakcik tanya, “you ni bukan orang Kedah ni.” “Pasai apa you tanya macam tu?” “kalau you ni orang cina Kedah mesti tak reti makan tempe. You ni mesti orang Johor.” Dia mengaku, dia orang Johor. Cina Johor. Kalau sekitar tahun lapan belas --- lapan puluh an, tempe pakcik sampai di London. Masa tu pakcik bungkus dengan daun, ada sorang customer [pelanggan] tu mai [datang]. Dia tanya boleh dak [tak]. Boleh tahan lama mana tempe ni kalau nak bawak balik jauh? Kalau takat [sampai] Kuala Lumpur - - ingatkan dia duk Kuala Lumpur. Dia kata bukan Kuala Lumpur, saya nak bawak balik London ni. Dia kata kesian kawan kawan Jawa saya yang di London. Dia kata nak dapat, kat sana memang ada nak dapat tempe tapi nilai dia. Masa itu pakcik jual dua kupang ja sekeping. Nilai dia kalau yang sekeping dua kupang [sen] itu kalau kat sana tu jadi tujuh ringgit dia kata. Ada jugak sorang pengusaha tempe di London. Dicerita oleh customer [pelanggan] itu lah. Jadi

tempe ni bukan saja di tempat Malaysia, Indonesia ja. Tambah macam Belanda tu kan yang depa [*mereka*] jajah tu --- disebelah barat ada jual tempe, tapi kos nak buat dia tu memang tinggi sebab dia terpaksa guna macam oven tu kan sebab kena suhu macam kita ni. Kalau suhu dia sejuk, tak [*tidak*] jadi. Ada sekali tu dia mai melawat, mungkin dia mai [*datang*] kaji selidik ka apa. Dia mai [*datang*] dari Jepun. Dia cakap Jepun. Kita mana reti cakap Jepun. Cakap orang putih [*english*] pon tak [*tidak*] pandai. Mai [*datang*] tanya “what mean tempe?” Kita pun “this tempe bean and fungus.” (Ada seorang makcik datang menegur tuan haji). Dia terkejut sebab memang kata tempe ni. Apa itu tempe? Tempe itu kacang dan kulat. Selagi tak [*tidak*] berkulat bukan tempe. Tu tak jadi lagi tu sebab dia tak kulat lagi. Takdak [*tiada*] putih lagi. (sambil menunjuk ke satu bungkusan tempe). Tempe yang putih tu kulat.

NS : Selalunya tempe ni boleh tahan berapa lama?

THY : Tempe ni insyaallah kalau kita letak tempat biasa insyaallah tiga hari. Kalau kita letak dalam facial, dia punya tempat khas. Sebab dia mempunyai jangka hayat yang tidak lama. Kalau dia lama pun, rasa dia itu lain. Kalau dia elok pun, dia rasa lain. Tapi bagi Jawa, Jawa dia mau [*nak*] tempe yang lama. Jawa ni depa [*mereka*] pandai. Depa [*mereka*] ni makanan depa [*mereka*] ubah suai. Depa [*mereka*] letak dalam macam macam masakan. Kita ni kalau jual ni, kat Kedah ni kalau orang Melayu tengok ni agak lama sikit, dia reject [*tolak*] la. Tapi kalau jumpak yang Jawa hat kita reject [*tolak*] tu yang depa [*mereka*] mau [*nak*]. Depa [*mereka*] mintak, selalunya lah. Depa [*mereka*] masak pandai. Satu kelebihan

Jawa, dia jadi pembaziran takdak. Macam kalau pakcik awal jual tempe ni, selalunya tempe ni jawa. Memang orang jawa yang duk buat. Mula pakcik duk jual tempe dulu kalau mai [*datang*] tu muka jawa, cakap tu pelat jawa tu, awal lagi pakcik tau --- Tempe pandai buat tapi bahasa tempe tak tau. Bahasa jawa taktau. Boleh takat kabare [*apa khabar*] waras [*khabar baik*]. Lebih pada itu taktau tapi atok [*datuk*] pakcik dulu. Pakcik ada jugak sejarah jawa. Atok [*datuk*] sebelah mak pakcik dulu orang Bandung. Memang jawa tulen. Dia duk sini memang dia duk sorang, jadi pupus habis segala bahasa segala apa semua. Jadi cuma boleh bahasa, bahasa jawa pun taktau. Memang dia mai [*datang*], dia lah pugaq [*teroka*] tanah ni. Membangunkan kawasan ni. Yang duk kata Tok Samad Jawa tu. Dia mati pun umur seratus lebih. Tok [*nenek*] pakcik, tokwan [*datuk*] pakcik. Tapi kalau jawa dia tang mana pun dia mai cari. Ada la jugak orang cina tapi tak ramai. Jadi kalau kata banyak tu, pakcik banyak hantar masuk ke pusat pengajian tinggi macam UUM apa ni, Matrik sehingga sampai ke Perlis. Tapi hingga ke hari ni, pakcik bagi ke pekerja pakcik. Pakcik tak kisah lah. Terhad la. Dulu kalau kawasan bagi kat dia, ni pakcik dah pencen. Tak larat banyak banyak.

NS : Tuan haji ada berapa orang pekerja?

THY : Buat masa ni ada sorang dua.

NS : Kira pelanggan tuan haji dari pelbagai bangsa lah?

THY : Buat masa ni tak [*tidak*] lah banyak sangat bangsa asing. Pasal disini, lain pada

bangsa Melayu tak pandai makan tempe.

NS : Lepas tu [selepas itu] macam mana proses tempe? Boleh tuan haji cerita?

THY : Ooo proses. Kalau ditanya Wak, Wak jawab macam mana tau. Macam mana Wak dibikin [dibuat] tempe? “Kacang itu direndam rendam” (ketawa). Kacang soya kita ambil dari kedai, kita basuh. Kita rendam. Kita rendam pun lebih kurang empat puluh jam sehinggakan dia keluar satu asid. Dia rasa masam tu. Baru lah kita proses. Kita mesin guna mesin tu untuk nak bagi pecah dua kan. Bila dah pecah tu kita boh [letak] dalam bekas tu, kita boh [letak] air. Boh [letak] air bagi banyak. Bila kita boh [letak] air bagi banyak, bila kita nak buang air tu kulit dia akan timbul. Jadi proses nak asingkan kulit dengan isi tu sauk macam tu ja la. Dah kita sauk tu, kita basuh. Basuh tu paling penting. Basuh dua tiga kali sampai dia bersih. Selepas bersih tu baru kita rebus (bunyi kenderaan). Kita rebus sehingga mendidih. Selepas mendidih, kita tos. Kita tos agak dia kering, sejuk baru kita masuk ragi. Ragi dia kalau ikut tu macam yang pakcik bungkus tadi tu kan (bunyi kenderaan) lebih kurang satu sudu teh tu ja. Jadi untuk nak rata tu, sikit sikit tu memang tak rata la. Untuk nak rata kan benda tu kita guna tepung. Selepas ragi, kita bungkus la. Macam pakcik duk buat ni. Dah bungkus kita sealed [dibungkus], lepas tu tepuk letak macam tu la (bunyi kenderaan lalu). Agak dia rasa panas sikit, kita terpaksa atur satu satu. Inshaallah esok tu kita boleh --- itu lah proses dia. Sembilan hari bulan ni ada satu hat [yang] Sains Malaysia tu hat mai [datang] kaji ni. Depa [mereka] ada lapan puluh orang peserta, nak mai [datang] sini. Pakcik tak bagi nak mai sini

sampai lapan puluh orang peserta, tak boleh terima pasal tempat sempit. Jadi depa [mereka] nak mai [datang] di Gunung Keriang tu, jadi depa [mereka] jemput pakcik p [pergi] sana. Jadi pakcik ingat, pakcik p sana secara teori ja la ataupun secara video orang kata. Kalau betul betul nak tengok cara proses memang tak dapat la. Pasal kalau proses kena mai disini. Kalau takat depa [mereka] mai [datang] sepuluh orang, insyaallah lah. Macam tu cara dia. Macam ni ramai yang duk mai ambil kajian, kaji selidik apa kan memang banyak (bunyi kenderaan lalu). Pakcik ingat memang banyak universiti yang mai. Kalau UiTM pun banyak la yang duk mai [datang] buat ni. Kadang kadang yang perseorangan (bunyi sedang balut tempe) sehinggakan pakcik ingat lagi mula mula dulu MARDI sendiri mai. Walaupun depa [mereka] buat research rata kan tapi depa [mereka] sempat mai buat research sini. Depa [mereka] duk kaji selidik jugak, buat research jugak di kawasan ni ada --- proses tempe tak sama. Mungkin kawasan ni lain, kawasan ni lain, cara pakcik lain. Jadi untuk nak buat research ni pun yang mai [datang] kat pakcik ni pun --- ramai yang mai [datang] buat research disini.

NS : (Bunyi kenderaan lalu dan burung berkicauan). Adakah tuan haji rasa proses membuat tempe ni sangat rumit?

THY : Dah pengalaman jadi tak rumit lah. Tapi kalau orang kata apa saja punya bahan proses, pendapat pakcik pengalaman lagi penting. Kalau setakat pakcik kata lah pakcik nak p [pergi] bagi secara teori atau formula tempe, pakcik rasa pakcik pernah sekali. Masa tu, MARDI depa panggil pakcik p [pergi] bagi untuk proses

masa tu untuk kursus hasil kacang soya sebab pakcik salah sorang daripada proses kacang soya. Lima produk hasil kacang soya tu, depa [*mereka*] panggil pakcik p [*pergi*] jugak tapi pakcik – Cuma pakcik ikut cara dia. Macam mana cara teknologi MARDI tu. (Bunyi kenderaan lalu). Pakcik masih ingat lagi masa tu dua puluh dua peserta. Masa kita nak balik tu depa [*mereka*] bagi ragi, kacang suruh balik buat di rumah masing masing. Tu pakcik kata bukan nak cabar kawan kawan tapi kalau lah buat tempe tu jadi, telefon saya. Benda proses ni, dia pentingnya pengalaman. Kalau takat kita nak ambil formula ja, tak jadi. (Bunyi pekerja sedang membalut tempe). Dari segi apa, baik mee kuning ka apa ka yang pentingnya pengalaman. Kadang kadang kacang, kita nak kena tau gred kacang. Cuaca dia mempengaruhi jugak. Lepas tu cara kita proses dia. Kita rendam dia. (Bunyi pekerja sedang membalut tempe). Kalau kata bagi pakcik, kalau kita nak buat bahan proses, kalau kita takat nak ambil secara teori, formula tak jadi. Buat habis duit ja. Belajar lah melalui internet cukup banyak. Belajar lah melalui internet, tak jadi. (Bunyi kenderaan).

NS : Apa bahan yang pakcik / tuan haji guna untuk nak buat tempe.

THY : Haa. Tempe bahan bahannya. Pertama, kacang soya. Lepas tu dia tak banyak, kacang soya, ragi lepas tu tepung sikit. Tepung tu bukan banyak pun. Bukan mesti tapi untuk nak campurkan. Tapi kalau pandai, ragi dengan kacang tu dah boleh jadi dah. Zaman yang pakcik guna ragi yang pakcik proses dulu. Buat masa ni pakcik pakai ragi yang dah siap, yang diimport dari Malaysia. Zaman mula sampai ke tahun sembilan puluhan (90an), hujung tahun sembilan puluhan

(90an) pakcik menggunakan ragi yang pakcik proses sendiri. Bila ragi yang proses tu kadang kadang dia masalah. Bila mai [datang] time [masa] musim hujan tak panas. Baru nak kering kan jadi masalah. Hari ni pakcik dah dapat ragi terus diimport dari Malaysia. Insyaallah lah tu.

NS : Macam kalau kita tengok orang berniaga dia akan ada persaingan, adakah tempe tani mempunyai saingan yang tersendiri?

THY : Saingan cukup banyak. Saingan tu biasa lah bila kita berniaga ni. Saingan tu memang ada tapi bagi pakcik bagus. Dari situ kita boleh tengok macam contohnya market Jitra, pasar Jitra (bunyi kenderaan lalu) kalau ada hat [yang] pakcik insyaallah lah. Buat masa ni kita dah bermula dalam tempe ni. Jadi pakcik punya customer [pelanggan] depa [mereka] tau. Depa [mereka] akan ambil hat [yang] pakcik, insyaallah. Memang customer pakcik lama, banyak. (bunyi kenderaan lalu). Sebab yang lain takat ni [setakat ini] depa [mereka] takdak [tiada] brand [jenama] cuma tempe di negeri Kedah ni cuma tempe pakcik ja yang ada brand [jenama].

NS : Tempe tani ni boleh dimasak dengan apa cara?

THY : Dia boleh pelbagai. Tempe ni boleh pelbagai. Kalau kita nak makan nasi tu boleh lah buat jadi lauk. Kita potong macam tu saja buat goreng. Kita buat masak lemak boleh, buat masak sambal ka. Dan kalau semasa pakcik jual di pasar tani dulu, pakcik promote [memasarkan] dengan buat goreng. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Celup tepung. Goreng celup tepung lepas tu sos dia buat

cicah. Itu yang paling mudah. Tu kata tempe ni boleh pelbagai. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Kalau kata orang Jawa ni, macam ni dia makan. Macam ni dia potong, dia boleh makan (sambil menunjuk ke bungkusan tempe).

NS : Mentah ni?

THY : Ini lah. Ada mai [*datang*] macam ni, lapan orang mai dari UiTM Merbok. Depa [*mereka*] mai [*datang*] sini bila pakcik kata boleh makan, salah sorang tu [*itu*] dia anak Jawa. Anak Jawa Kuala Ketil. Dia kata betul pakcik kalau pakcik kata boleh makan mentah ni, saya tak biasa lagi. Dia kata tak biasa lagi pakcik nak bagi makan hat [*yang*] ni. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Potong pastu pakcik letak sebiji ni, dia makan habis. Dia boleh makan sebenarnya. Dia dah masak. Kita rebus tu kacang ni dah masak. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Cuma fungus [*kulat*] ni dia tak jadi apa. Dia bakteria yang baik. Dia tumbuh yang fungus [*kulat*] tu kan, dia (bunyi paket tempe ditepuk tepuk) bakteria baik. Kalau nak mengaji orang kesihatan boleh lah. Sebab tu dalam ni, dia akan bunuh habis lah. Kalau kita tengok ada yang warna hitam kan. Hitam tu mungkin bakteria tu menang. Bakteria jahat tu tapi selalu dia warna putih.

NS : Apa beza tempe tani ni dengan tempe yang lain?

THY : Hat [*yang*] tu pakcik takmau [*tidak mahu*] kata apa. Tapi hat [*yang*] pakcik macam ni ja lah beza dia. Beza dia takdak beza, tempe dia sama ja. Tapi hat [*yang*] tu atas customer [*pelanggan*] lah. Depa [*mereka*] customer [*pelanggan*] yang menilai bukan pakcik. Kalau dalam pasaran ni, customer [*pelanggan*] yang

menilai. Dimana ada kelebihan, kekurangan yang tu [itu] customer [pelanggan]. Bukan pakcik kata hat [yang] pakcik lebih. Dak dak [tidak, tidak]. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk & bunyi kenderaan lalu). Kalau kita nak angkat bakul sendiri tidak boleh. Penilaian dia customer. Yang nak markah dia, kualiti dia, customer [pelanggan] lah.

NS : Kalau dulu tempe ni dibalut guna daun leret, kenapa sekarang dia ditukar kepada plastik?

THY : Sebab nak buat secara komersial, lagi pula daun tu [itu] makin kurang. Cara kita nak guna pun daun tu payah nak dapat. Sekarang ni kita p kilang plastik, mintak plastik mudah. Jadi kos dia pun rendah. Jadi banyak. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Kalau nak ikut selera customer [pelanggan] ni macam macam lah, daun lebih sedap. Tu kata kerenah customer ni macam macam. Tapi kalau ikut tu, kita tidak boleh berkembang macam ni. Kalau masih dengan daun tu. Pakcik tanam tu pokok tu untuk kadang kadang orang nak mai buat research tu. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk).

NS : Macam pakcik kata tadi dia punya ni, pakai kacang soya kan, mana pakcik dapat kacang soya ni?

THY : Kacang soya ni, kawasan Jitra ni pun banyak. Kat kedai kedai besar ni kan tapi pasaran dia sebab dia diimport jadi terkadang kadang lah bukan selalu. Bila mai kacang yang kurang elok, tempe rosak. Pernah dua minggu ni baru elok balik. Seminggu yang lepas, kacang tu kualiti dia macam mana taktau la. Bila buat

rosak, bila buat rosak. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Bukan pakcik tapi hat [yang] mana yang mai [datang] satu kapal tu (bunyi kenderaan lalu) yang dia punya satu syarikat yang keluarkan ni seluruh Malaysia yang pakcik telefon hat [yang] pengusaha tempe “kami pun kena”. Jadi yang jenis ambil seguni ni. Seguni ni harga dia seratus lima puluh, GST pulak enam puluh lebih. Tapi bagi pengusaha tu biasa la. Pengusaha ni dia mesti tanggung risiko (bunyi telefon bergegar). Takkan nak ambil untung ja. Tapi pengusaha apa pun macam tu.

NS : Harga sepeket ni berapa ringgit?

THY : Harga borong, pakcik bagi sembilan kupang [sen]. Harga runcit tengok dia jual seringgit dua kupang [sen]. Seringgit sekupang [sen].

NS : Sekarang dah GST kan harga tempe ni [ini] naik ka tetap jugak?

THY : Pakcik macam ni la, sebab GST dengan ni tak banyak mana. Kalau pakcik nak ambil kesempatan ni [ini] nak naik. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Tapi kacang soya kena GST. Bila pakcik nilai balik dengan GST naik, seguni dia naik enam ringgit setengah ja. Takkan nak enam ringgit setengah tu hampir enam ratus, tak perlu la. Jadi kalau hat [yang] meniaga ni atas kita la. Atas keikhlasan kita. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Tak kata sapa. Pengguna ni taktau [tak tahu]. Kita pengeluar ni yang tau [tahu]. Pakcik duk ingat kalau pakcik terbagi terlebih daripada orang, pakcik duk ingat sedekah. Walaupun pakcik tak kata “aku sedekah kat hang”. Sebab kalau kita tengok balik, Rasulullah bersabda “innama lu minimiaq” [dan amal itu dengan niat]. Tu niat kita tu sedekah jadi

kita dapat. Tak perlu nk jaja kat orang, “aku yang lebih aku sedekah”. Jadi kita warwar. Warwar kan pun tak jadi jugak sebab kalau sedekah kita kena sembunyi. Contoh dia macam tu. Jadi, itu prinsip yang pakcik habaq [*kata*] tadi. Jangan asyik nak untung saja.

NS : Bila kita cerita pasal GST ni [*ini*], (bunyi paket tempe ditepuk tepuk) apa pendapat tuan haji tentang GST ni?

THY : GST. Dari satu segi fikir ni perlu, untuk keseluruhan ni perlu . beban tu memang terbeban la. Bila kita kata rakyat tu contohnya macam orang susah, terbeban lagi la. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Jadi GST tu perlu juga, tak perlu banyak sebab kita perlu jugak kemajuan semua kan. Jadi, pakcik tak kata tak perlu juga. Jadi kat situ kadang kadang baru kita nampak, kita sedar selama ni kita banyak pemborosan. Cerita belanja kadang tak perlu pun kita belanja. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Bila macam ni baru kita sedar. Kalau kita tengok, bukan la nak kata pakcik ni penyokong kerajaan ka apa ka, dak [*tidak*]. Tapi hat [*yang*] benar kita kena kata hat [*yang*] benar. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Kalau kita p [*pergi*] tengok negara luar, Thailand cukup la. Selama ni kita dimanja sangat, terlalu dimanja. Hat [*yang*] tu apa semua subsidi. (bunyi telefon). Sampai kita kata apa semua, sikit sikit subsidi. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Kalau kita tengok macam minyak sudah lah ataupun gula, yang negara seberang baik Indonesia ka Thailand ka macam mana? Tu dia bagi subsidi. Bukan la pakcik nak berkempen tapi kita jangan nampak yang buruk ja. Pakcik rasa bila tahun lapan puluh lima, pakcik mula sampai di Indonesia tak sedar

pakcik jatuh air mata pasal pakcik rasa Alhamdulillah sebab pakcik ditakdirkan jadi rakyat Malaysia. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Bila tengok keadaan depa di sana Ya Allah. Pakcik masuk kawasan perkampungan, pedalaman. Kalau kita kata pelancong ni p [*pergi*] Medan, Jakarta, tempat tu tempat mewah. Bila p [*pergi*] masuk dalam kampung taktau [*tidak tahu*] macam mana. Penderitaan. Masa tahun lapan puluh lima pakcik masuk ni, yang sekolah rendah ni yang pakai kasut ni betul betul pakai kasut lapan puluh peratus ja. Yang lain selipar, kaki ayam. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Uniform takdak [*tiada*] lagi. Jalan raya Ya Allah. Tu [*itu*] pakcik tengok tu [*itu*] Alhamdulillah. Kita tang tu [*di situ*] pasal kita kadang kadang tak tengok benda tu kita tak [*tidak*] duduk jadi kita taktau [*tidak tahu*] nak nilai. Cuma kita takat tengok pelarian pelarian tu saja. (bunyi kenderaan lalu). Kita tak pernah rasa. Contoh, pasal apa rakyat rakyat luar mai [*datang*] kat kita? (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Sebab mewah. Sebab rakyat kita ni tak [*tidak*] pernah merasa susah sebab tu kira duk nak minta. Tu yang duk buat demonstrasi, ini silap. Pakcik memang tak [*tidak*] setuju. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Mula mula syukur untuk diri kita dulu. Dalam diri kita cakap, “Alhamdulillah ni, boleh sampai dari Kelantan ke sini”. Bila boleh berjalan macam ni anak anak, budak muda perempuan ni tak [*tidak*] berani. Dari segala segi kita ni syukur la. Pakcik, tempe ni - - sebab generasi Y ni, patut la nama Y sebab Y banyak sangat. Hat [*yang*] tu Y, hat [*yang*] ni Y tapi sebab depa [*mereka*] Y tu depa tak [*tidak*] pernah merasa zaman enam puluhan. Kami orang tua ni, tau [*tahu*] hidup susah. Mai [*datang*] anak moden ni (bunyi paket tempe

ditepuk tepuk & bunyi kenderaan lalu) pembaziran banyak. Bukan nak kata macam anak anak pakcik la. Handphone sampai dua, sampai tiga. Benda tu, cuba ambil hat perlu saja. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Hat tu saja habis berapa ratus. Dah tu kita tak [*tidak*] tengok pembaziran macam mana. Bukan lah pakcik ni, biar la kata pakcik otodok [*kuno*]. Otodok [*kuno*] yang mcm mana? Bukan otodok [*kuno*] terus tapi otodok [*kuno*] yang tau dengan peredaran zaman (bunyi kenderaan lalu). Ambil yang perlu, jangan ambil yang pembaziran. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Terang terang dalam Al-Quran tu kata, “pembaziran tu amalan syaitan.” Pakcik pun ada anak macam ni, hampa pakai sampai dua yang handphone jenis ni, jenis tu untuk apa. Tu kata anak anak muda yang dikatakan generasi Y tu, duk Y sangat.

NS : Dalam sehari, berapa keuntungan yang tuan haji dapat hasil jualan tempe?

THY : Buat masa ni tak banyak la. Boleh la setakat makan ja la. Pakcik la ni bersara dah, berserah kat anak ja. Boleh sekadar ni saja la.

NS : Adakah hasil yang tuan haji dapat tu setimpal dengan modal yang tuan haji keluarkan?

THY : Modal pun modal pusingan. Macam tu [*itu*] ja, duk pusing situ. Modal tu [*itu*] ada la sikit sikit. Macam hari ni tak banyak la, pasal seratus keping lebih ja. Kalau dulu sampai seribu. Beda [*beza*] dia macam tu la. Tapi Alhamdulillah, kalau dulu Allah letak --- pakcik pegang pada, “Allah tentukan segalanya”. Zaman tu anak anak sekolah. Kalau dah dua duk IPT dah berapa. Walaupun

dapat PTPTN. Tapi paling kurang seribu setengah pakcik kena bagi sebab hampa [kamu] duk IPT jadi tau [tahu] la macam mana? Jadi bila la ni [sekarang ini], anak anak pakcik dah habis dah, jadi insyaallah la, rezeki Allah bagi macam tu jugak. Nak kata naik sangat, turun pun tak [tidak]. Orang kata berbalik balik dengan apa yang Allah kata “rezeki tu Allah ganti”. (bunyi paket tempe ditepuk tepuk). Tang ni [disini] la, kadang kadang tu manusia tak boleh nak terima, pasal kita tak usaha. Hang [awak] usaha macam mana pun, ketentuan tu tetap. Allah kata banyak ni, banyak ni. Lebih macam mana pun, dia akan tarik ikut lain. Sebab Allah tentukan rezeki, jodoh, ajal dan maut dalam kubur. Hat [yang] ni kita tak yakin. Kadang kadang kita tau ada tapi keyakinan kita. Okay kata love story [kisah cinta] sekarang ni pun, belum tentu kita punya yang special [istimewa] tu [itu] pun jadi hak kita. Sebab ni [ini] hak Allah, Allah yang tentu. Bila tak [tidak] jadi tu dia mula nk mai [datang] frust toge [sangat kecewa]. Sebagai anak anak, pakcik habaq [beritahu], la tumpukan pada pelajaran pasal bab love story [kisah cinta] tu tinggal dulu. Masa ni la dia nak mai [datang] bercinta. Pasal pakcik pun pernah frust toge [sangat kecewa]. (ketawa). Pakcik tau zaman hari ni tapi tumpu pelajaran. Hat ni kita letak tepi sebab kita yakin rezeki hak Allah, jodoh hak Allah, ajal maut hak Allah. Pasal apa kita kata rezeki hak Allah pasal yang PhD pun tak dapat kerja. Banyak la yang Master, PhD tak [tidak] dapat kerja lagi. Patut kalau kata adat tu, depa dah dapat kerja kan? Pasal ketentuan Allah. Rezeki tu hak Dia. Kadang kadang kita tengok sama macam kita juga di sekolah dulu, sekarang depa [mereka] dah berjaya walaupun depa [mereka] takdak [tidak ada] PhD, takdak [tidak ada]

Master. Tapi tang [*dekat*] mengaji [*belajar*] jangan putus semangat, bukan pakcik kata jangan mengaji [*belajar*], dak [*tidak*]. Hat [*yang*] tu kewajipan kita. Tuntut ilmu tu. Semua ni Allah yang tentu. Hat [*yang*] lain tu cuma samping saja. Allah kita letak depan. Okay, any question [*baiklah, soalan apa lagi*]? Amboi depa mai hari ni, pakcik cakap orang putih [*english*]. (ketawa)

NS : Dalam satu hari, berapa banyak tempe yang tuan haji keluarkan?

THY : Kalau buat masa ni dalam seratus lima puluh ke dua ratus ja la. (bunyi sapu sampah). La ni [*sekarang*] makin kurang tak [*tidak*] macam dulu. Sebab persaingan tu banyak.

NS : Dimanakah tempe tani ini dipasarkan?

THY : Buat masa ni, di sekitar Jitra ni ja. Memang terhad la ni.

NS : Kiranya tuan haji tidak memasarkan tempe tani di negeri lain?

THY : (bunyi kenderaan lalu). Dak [*tidak*]. Buat masa ni dak [*tidak*].

NS : Tuan haji ada terfikir tak nak [*tidak hendak*] buat cawangan ke?

THY : Benda benda ni cek oi [*anak oi*], pakcik ni ada sebulan yang lepas, ada company [*syarikat*] yang besar mai [*datang*] nak join. Memang pakcik kata, pakcik takmau [*tidak mahu*]. Pakcik takmau [*tidak mahu*] usaha sama. Biar apa hal pun, pakcik sendiri. Jadi pengalaman kalau kita tengok rakan kongsi tu rosak balik. Tang tu [*di situ*] pakcik fikir, orang kata ortodok [*kuno*] balik la. Pakcik baca

risiko dia dulu. Orang tua ni pelik jugak kan. Rasulullah ajar nak buat apa pun suruh buat istikharah. Sebab tu anak anak, apa hal pun yang bermasalah, yang kita nak tau jawab tu, tanya Allah. Buat istikharah. Istikharah tu buat sembahyang masa masa yang tertentu. Jadi apa pun keputusan, jangan kita pandai ka kita cerdik ka tak [*tidak*] kena istikharah. Kita letak Allah, kita tanya Allah, insyaallah Allah bagi jawapan. Pakcik bercakap bab agama ni, sebab bab agama tu penting. Apa bidang yang kita ceburi pun, itu penting. Walaupun kadang kadang, kita duduk pun punca contohnya macam student pun macam tu. Tambah zaman la [*sekarang*], zaman mencabar. Zaman internet, zaman segala galanya terbuka. Apa langit terbuka, cukup takut. Anak anak ni mai jadi pakcik nasihat la, jaga la sungguh tentang pergaulan kita ni. Kadang kadang walaupun kita baik, kadang kadang orang dengki banyak. Dengan sedikit failed [*gagal*], kita boleh rosak. Kalau makan, minum tu jaga lah. Walaupun kita kata ada kawan baik, lelaki lah selalunya, kita jaga. Dulu sekali pakcik pernah cerita macam ni, “hampa [*kamu semua*] kena jaga sikit, dengan sedikit failed [*gagal*] hampa [*kamu semua*] akan rosak”. Tak [*tidak*] sampai sebulan, sorang [*seorang*] mai mengadu, sebab dia tu lincih sikit. Dia kata, “sungguh. Saya sedar sedar --- “ zaman la [*sekarang*] ni pakcik takut. Kalau zaman dulu, dia nak kena guna minyak pengasih la apa la. Nak buh [*letak*] minyak pengasih tu kena cari tengah malam kena p buh [*letak*] dikasut, di mana. Tu zaman dulu. Zaman hari ni, dengan sebiji pil ja lesap. Jaga. Dulu anak dara tu dia nak mengintai, la [*sekarang*] dalam bilik pun boleh tengok dah. Dia boleh ugut kita. Tambah tambah ni anak perempuan kena jaga. Zaman la teruk sampai dalam bilik kita,

depa boleh tengok. Tak teruk macam mana. Kalau zaman dulu, nak keluar rumah, nak jumpa pun payah. Anak anak yang mai ni dah macam anak pakcik. Allahuakbar.

NS : Bila kita cakap pasal internet, adakah tuan haji memasarkan tempe tani secara online?

THY : Insya-allah, buat masa ni anak yang urus, dia buat. Dia boleh. Ada kalau apa dia punya nombor tu [itu] tau [tahu] ka buka ada la. Dia buat ni [ini] dia buat tu [itu]. Tu [itu] yang banyak la nak [hendak] mai [mari] amik [ambil] buat ni [ini] sebab melalui internet la. Yang hari sembilan [9] haribulan tu [itu] yang satu [1] pusat pengajian je [sahaja] la hat [yang] sains. Insya-Allah dari situ pakcik memang taktau [tidak tahu]. Pakcik kalau la pun bagi facebook apa pun pakcik taktau [tidak tahu]. Tengok anak anak ni [ini] tau [tahu] la buat semua la. Henset [telephone] ni [ini] pun takat [setakat] tulis mesej ja [sahaja]. Len [selain] daripada tu [itu] pakcik tak [tidak] tau [tahu] la (bunyi kenderaan).

NS : Ok [baiklah]. Apa perancangan pakcik untuk masa depan tentang tempe ni [ini]?

THY : Insya-Allah. Memang nak [hendak] kembang. Tapi [tetapi] buat masa ni [ini] pakcik serah kat [dekat] anak. Cara dia urus tu [itu] pakcik serah kat [dekat] dia semua. Cara macam mana pun. Cuma pakcik orang kata sebagai penasihat saja [sahaja] buat masa ni [ini]. Jadi pakcik taktau [tidak tahu] macam mana nak [hendak] kempen, nak [hendak] kembangkan, nak [hendak] buat apa pun pakcik

cuma cara penasihat. Kalau perlu hat [yang] yang dia buat pakcik nak [hendak] suruh teruskan. Yang tak [tidak] perlu pun jarang juga sebab pakcik tak mau [tidak mahu] kadang-kadang benda ni [ini] kalau kita tengok benda tu [itu] boleh (*bunyi kenderaan*) – risiko dia tu [itu] kita taktau [tidak tahu]. Selalunya kawan-kwan pakcik yang minum ayaq [air] yang gulung tikar tu [itu] la __ tapi [tetapi] risiko dia tu [itu] tak [tidak] pernah kita buat kajian. Kita kena tengok yang risiko dia tu [itu]. Baru kita buat ujian dia sikit [sedikit].

NS : Dalam banyak-banyak perniagaan kenapa tempe tani yang tuan haji pilih?

THY : Tempe ni [ini] pasal masa tu [itu] takdak [tiada] lagi. Benda yang tak [tidak] wujud lagi sebelah utara ni [ini]. Zaman tu [itu] tempe memang tak [tidak] wujud lagi. Jadi itu lah pakcik buat keputusan nak [hendak] ambil kembangkan tempe ni [ini]. Dan kalau ikut dengan pasaran yang ada pakcik orang kata macam rasa kecewa lah takdak [tiada]. Rugi kan tapi [tetapi] orang kata atas nasihat guru pakcik guru agama dia kata “apa hal pun macam mana sibuk macam mana rugi pun tempe jangan tinggal”. Berkat guru pakcik tu [itu] lah sampai berkembang hari ini. Tidak tahun ke-5 [lima] tu [itu] pakcik nak [hendak] berhenti dah [sudah], tapi [tetapi] pi [pergi] tanya pendapat guru macam mana. Guru kata ‘macam mana pun tempe sebab takdak [tiada] lagi jangan hang [awak] berhenti. Hang [awak] buat jugak [juga] – walau cikit’ [sedikit]. Alhamdulillah berkat guru ni [ini] ---.

NS : Tuan haji ada tak [tidak] perancangan untuk mempelbagaikan rasa tempe?

THY : Ada. Pelbagai. Hari ni [ini] buat masa la adalah sorang [seorang] tu [itu] mai [mari] amik [ambil]. Dia buat kerepek tempe apa semua tu [itu] ada. Ada kat [dekat] atas rumah. Kalau ada pakcik boleh _.

NS : **Apa yang menjadikan motivasi dan inspirasi tuan haji? Maksudnya macam motivasi dalam nak [hendak] memperkenalkan tempe ni [ini] la.**

THY : Promosi pada masa ni [ini] pakcik terhenti la. Tapi [tetapi] entahla macam sambung anak la kan. Macam yang kita makan tu [itu]. Ni [ini] cara promote [promosi] dia la tu. Dia nak [hendak] promote [promosi] tempe tu [itu] lepas tu [itu] hat [yang] ni [ini] pakcik betul-betul serah kat [dekat] dia. Tu [itu] macam-macam la dia buat. Ini pun dia bukan jual sendiri tapi [tetapi] buat. Dia bagi dekat kawan. Dia memang pengusaha. Jadi dia tu [itu] amik [ambil] bahan tempe kat [dekat] pakcik jadi pakcik cuma pembekal tempe saja [sahaja]. Jadi dia promote [promosi] barang-barang pakcik dia jadikan produk lain pula daripada tempe ini. Dia pelbagaikan. Lani [sekarang ini] pakcik mencari sapa-sapa [siapa-siapa] yang nak [hendak] pelbagaikan tempe. Itu cara promote [promosi] pakcik. Macam dulu ada sekali yang mai [mari] untuk jual dia buat kerepek – hat [yang] tu [itu] betul-betul kerepek tempe ja [sahaja]. Jadi promote [promosi] pakcik, pakcik cuma cari ja [sahaja] customer-customer [pelanggan-pelanggan] yang cuba nak [hendak] buat produk daripada tempe. Jadi maksudnya daripada tempe dia jadi produk lain pula (*bunyi kenderaan lalu*). Kalau tempe biasa ni [ini] pakcik rasa tak [tidak] perlu promote [promosi] lah. Hari ni [ini] dah [sudah] semua orang di Sidam dah [sudah] tau [tahu] apa itu tempe. Kalau

dulu sungguh. Cuma kalau nak promote [*promosi*] daripada tempe tu [*itu*] kepada produk lain. Itu ja [*sahaja*] cara nak [*hendak*] buat promosi pun. Kalau nak [*hendak*] kata goreng tu [*itu*] kita buat lah dulu.

NS : **Siapakah yang menjadi idola tuan haji?**

THY : Buat masa ni [*ini*] idola rasullulah lah. Sebab rasullulah segala-galanya duduk dekat dia. Dia idola. Sebab kalau meniaga pun kalau tak [*tidak*] ikut cara dia tak [*tidak*] jadi. Meniaga pun ikut cara rasullulah. Setengah orang kata kalau meniaga cara rasullulah tak [*tidak*] untung itu orang silap. Bila orang kata meniaga tak mau [*tidak mau*] ambil untung, tu [*itu*] orang meniaga cara rasullulah itu orang menghina rasullulah balik. Kadang-kadang orang kata “kalau meniaga tak mau [*tidak mau*] ambil untung takkan [*tidak akan*] meniaga rasul”. Jadi itu orang panggil secara tak [*tidak*] langsung menghina rasullulah balik. Sebab rasullulah seorang peniaga yang --- bila orang kata meniaga tak [*tak*] untung ni [*ini*] ikut rasullulah tu [*itu*] silap banyak. Orang tu [*itu*] menghina rasullulah. Kita tengok macam mana barang dagangan Siti Aisyah --- Siti Khadijah banyak mana dapat keuntungan. Jadi cuma jujur dalam peniagaan tu [*itu*] penting. Apa segi jujur tu [*itu*] penting amanah. Jadi kalau ni [*ini*] pun kalau kata pakcik nak [*hendak*] ambil idola lain pakcik tak [*tidak*] boleh ikut. Kalau idola selain daripada rasullulah, pakcik tengok memang tak [*tidak*] boleh pi [*pergi*]. Cuma takat [*setakat*] kedudukan di dunia berapa hari – sebab kita ni [*ini*] kehidupan yang kekal perlu ada. Kalau kita hari ini boleh la _ . Kalau kita tak [*tidak*] ikut rasullulah mungkin kita jadi kapitalis. Dalam perniagaan hari ini

banyak peniaga jadi kapitalis. Kita nak [hendak] lari daripada jadi kapitalis. Idola kita rasullulah. Barulah kita nak [hendak] dapat sembilan per sepuluh [9/10] rezeki dalam perniagaan. Kalau tidak kalau tak [tidak] termasuk tu [itu] pun riba. Bukan perniagaan lagi sebab istilah riba dengan jual beli tu dia takdak [tiada] sikit [sedikit] sangat. Sebab pakcik jumpa satu [1] hadis rasullulah kata riba tu [itu] ada tujuh puluh [70] bab (*bunyi kenderaan lalu*). Sekecil-kecil riba, satu [1] dirham sama dengan berzina dengan ibu sendiri. Bayangkan. Ini yang pakcik takut – istilah riba ni [ini]. Tapi [tetapi] alhamdulillah lah. Ini kesedaran yang kita kata (*bunyi kenderaan lalu*) Malaysia kata kan semua kita buat cara perbankan islam macam-macam tapi [tetapi] setakat mana, sejauh mana yang kita dapat memahami. Walaupun kita amik [ambil] perbankan islam tapi tak [tidak] pernah kita memahami konsep islam tu [itu] tadi. Jadi mungkin cakap dengan pakcik ni [ini], pakcik agak tekankan itu sikit [sedikit] sebab benda ni [ini] penting. Sebab benda orang kata (*bunyi kenderaan lalu*) kalau hat [yang] mengaji takat [setakat] ni [ini], hidup takat [setakat] dunia habis takat [setakat] dunia takpa [tidak mengapa]. La [sekarang] kita kata umur dalam dua puluh lima [25] - dua puluh tiga [23] berapa hari lagi (*bunyi kenderaan lalu*) lima puluh tahun [50] tahun lagi. Sebab tu [itu] kalau tanya siapa idola rasullulah bagi pakcik. Itu yang tepat. Sapa [siapa] pun kalau ambil idola selain daripada rasullulah tak [tidak] tepat sebab kita orang islam, kita umat dia. Rasullulah diutuskan untuk dalam al-quran kata “tidak diutuskan rasul melainkan untuk mempunyai rahmat seluruh alamnya” sebab rasullulah lah rahmat keseluruhan alam. Sebab itu jangan kita tinggal dia. Pastu cara pakcik dan pakcik minta

orang lain pun macam tu [itu]. Jangan kita tinggal rasullulah. Apa saja sekalipun kalau rasullulah kita tinggal kita tak [tidak] dapat kebahagiaan kita sebab rahmat Allah turunkan sebab rasullulah. Pandai macam mana kita tak [tidak] ingat rasullulah tak [tidak] terpakai. Mungkin pakcik ni [ini] cakap topik ni [ini] yang agak ni [ini] sikit [sedikit] – tapi [tetapi] untuk anak-anak sebab mai [mari] _ hang [awak] sapa [siapa] pun mai [mari] inilah yang pakcik tekankan. Sebab jangan kita tinggal rasullulah. Hari ini kita tanya diri kita jangan tanya orang lain tanya “dalam sehari semalam berapa kali kita selawat untuk rasullulah?”. Kena ingat kita pada rasullulah sebab dalam sembahyang tu [itu] sebab masuk rukun. Masa lain takdak [tiada]. Ni [ini] masa maulud ja [sahaja] baru nak [hendak] ingat rasullulah nak [hendak] selawat, nak [hendak] buat _ . Rasullulah sepanjang hidup kita, kita ingat dia. Itulah idola kita – sebab kita umat dia, dia menyelamatkan kita. Inilah yang pakcik mungkin anak-anak mai [mari] ni [ini] kira pakcik ni [ini] bagi juga apa yang motivate [motivasi] pakcik. Hat [yang] ni [ini] yang penting sebab kita orang islam. Jangan kita lari daripada tu [itu]. Kot [macam] mana apa pun jaga la islam. Islam tu [itu] pegangan kita. Islam tu [itu] orang kata zaman lani [sekarang] kata jangan ekstrem [mencabar]. Islam tu [itu] kita paham betul-betul apa itu islam. Paham betul-betul. Jangan orang kata kita sampai ekstrem [mencabar]. Setengah tu [itu] sampai satu [1] peringkat tu [itu] _ . Kita jangan terlalu lalai sebab hidup kita, hidup mati kita. Kita tidak tentu. Bila-bila. Kadang-kadang tengah kita seronok tu [itu] kita terhentuk. Sebab tu [itu] jangan kita lalai. Pastu [selepas itu] orang kata kita sebagai orang tua pakcik nasihat sapa [siapa] saja [sahaja] pun mai

[datang] pakcik peringat [ingatkan] macam ni [ini]. Sebab pakcik tak mau [tidak mahu] di akhirat esok dakwah pakcik “pakcik, kami pernah pi [pergi] rumah pakcik, pakcik tak [tak] peringat [ingatkan] kami pun pasal agama, pasal bab ingat Allah, ingat rasul”. Mungkin takpa [tidak mengapa] lah daripada apa yang anak-anak tanya tu [itu] apa lagi yang perlu tapi [tetapi] pakcik banyak tekankan tang [bab] agama. Sapa [siapa] saja [sahaja] yang mai [datang] hat [yang] tu [itu] dulu. Hat [yang] sorang pengusaha ni [ini] kalau dia mai [datang] dulu pakcik tanya nak [hendak] jadi peniaga yang macam mana. Begitu. Kalau kita nak [hendak] jadi peniaga berjaya saja [sahaja] tak [tidak] --- betul-betul kita berjaya dunia akhirat. (bunyi kenderaan lalu) Anak-anak ni [ini] ambil kos apa sekalipun kita kena ingat dunia dan akhirat tu [itu]. Jangan kita sampirkan. Kalau kita kata “tuntutlah akhirat, jangan lupa habuanmu di dunia”. Dunia ni sebagai habuan, akhirat tu [itu] dituntut daripada ayat pun kita kena paham “tuntutlah akhirat, jangan lupa habuanmu di dunia”. Jangan kita terbalik akhirat tu [itu] kita lupa, dunia tu [itu] untuk ilmu. Bukannya pegang tasbeih tak [tidak]. Islam ni [ini] (bunyi kenderaan lalu) dia sesuai dengan keadaan. Setiap saat dan detik tu [itu] kita duduk dalam islam tu [itu] lah kita beriman. Bila kita beriman _ . Lain pulak kalau kita baca rukun iman. Pertama Allah. Ya Allah kan. Rukun islam pun Allah jugak kan ashhadu alla ilaha illallah [الشهادة لا إله إلا الله]. Kalau yang ketiga masuk hadis tu [itu] ihsan. Ihsan katanya seolah-olah kamu menyembah Allah, Allah melihat kamu. Allah tak [tidak] melihat kamu, kamu melihat Allah. Jadi kalau kita rasa diri kita sentiasa macam tu [itu] insya-Allah kita sempurna. Sebab tu Allah tu [itu] penting. Ingat Allah, ingat rasullulah.

Insya-Allah (*bunyi kenderaan lalu*) gejala-gejala lain tak [*tidak*] dapat masuk. Mungkin lah pakcik cakap ni [*ini*] daripada topik ni [*ini*] bukannya terkeluar, tapi [*tetapi*] pakcik banyak tekankan bab ni [*ini*]. Lagi satu [*I*] pakcik rasa satu [*I*] kewajipan balik. Allahuakbar. Alhamdulillah.

NS : Berbalik kepada kita punya topik ni [*ini*] kan, yang mesin-mesin semua ni [*ini*] mana pakcik dapat?

THY : Pakcik dapat daripada bantuan daripada ni [*ini*] - masa tu [*itu*] KPLB [*Kementerian Pembangunan Luar Bandar*] di bawah under KEDA la Kubang Pasu ni [*ini*]. Banyak bantuan yang asas banyak ribu juga dengan mesin dengan bengkel lepas tu [*itu*] tambahan-tambahan. Yang terbaru pulak ni [*ini*] RISDA. Tapi [*tetapi*] dia bagi mesin ja [*sahaja*]. Mesin tu [*itu*] pasal air kacang. Tu [*itu*] pun pakcik nak [*hendak*] buat air kacang tapi [*tetapi*] macam kalau bulan-bulan puasa pakcik memang buat la. Banyak yang mai [*datang*] minta pakcik buat produk daripada kacang soya ni [*ini*] kan macam taufu apa semua. Buat masa ni [*ini*] pakcik takmau [*tidak mahu*] la. Walaupun kadang-kadang ada orang yang boleh buat betul-betul kehendak, insya-Allah pakcik boleh bagi tunjuk ajar. Jadi kadang-kadang ada juga yang mai [*datang*] apa ni [*ini*] ramai-ramai tengok kesungguhan depa [*mereka*] tu [*itu*] takdak [*tiada*]. Sebab kalau nak [*hendak*] jadi pengusaha ni [*ini*], dia betul-betul jiwa dia kena betul bersungguh-sungguh. Dia ada beza antara pengusaha dan peniaga. Peniaga dia boleh ok [*baik*] hari ini dia kata dia boleh jual produk dia laris. La [*sekarang*] bila mungkin mai [*datang*] musim tu [*itu*] produk dia tu [*itu*] tak [*tidak*] ni [*ini*] kan dia boleh tukar

produk lain pulak. Itu peniaga. Tapi pengusaha kalau itu dia buat, dia kot [macam] mana pun kena tumpu situ. Cari macam mana untuk nak [hendak] --- itu. Beza dia antara pengusaha dan peniaga. Jadi nak cari sorang [seorang] yang betul-betul berjiwa pengusaha ni [ini] buat masa ni [ini] payah. Pakcik cuba ambil juga tengok. Kalau ada ujian sikit [sedikit] alah tak [tidak] tahan. Tulah [itulah] kalau ikutkan pengalaman pakcik tu [itu]. Benda ni [ini] sapa [siapa] saja [sahaja] kalau nak [hendak] ikut kalau nak [hendak] jadi pengusaha apa produk sekalipun dia betul-betul kena yakin dengan produk ni [ini]. Kalau sorang [seorang] tu [itu] tak [tidak] yakin dengan produk dia toksah [tidak payah] jadi pengusaha la. Dari mula-mula buat produk, tengok produk ni [ini] lebih maju dari produk tu [itu] - sampai bila dia takkan [tidak akan] berjaya. Mula pakcik ingat ni [ini] untuk produk pakcik yang kedua tu [itu] pakcik cadang nak [hendak] buat dodoi. Tapi [tetapi] bila kemampuan tu [itu] --- pakcik cuba cari orang untuk nak [hendak] bantu, tapi [tetapi] tak [tidak] boleh. Jadi benda-benda ni [ini] perlu cari orang yang betul-betul paham dan betul-betul yakin. Kalau orang takdak [tiada] keyakinan bulat tak [tidak] boleh jadi pengusaha ni [ini]. Apa-apa jenis produk sekalipun. Dok [macam] kata “produk ni [ini] lebih maju” tak [tidak] boleh. Ok [baik] ada apa lagi?

NS : **Siapa yang banyak beri sokongan kepada tuan haji?**

THY : Sokongan ni [ini] boleh kata keluarga la (*bunyi kenderaan lalu*) - keluarga dan kawan-kawan la.

- NS : **Macam mana cara nak [hendak] simpan tempe untuk elakkan dia rosak?**
- THY : Itu sebab buat masa ni [ini] pakcik buat terhad. Kita tau [tahu] kita punya pasaran, kita takkan [tidak akan] lebih la. Sebab kita hari-hari lah kan kita dah [sudah] tau [tahu] dah [sudah]. Itu cara pakcik lain sikit [sedikit] la. Pakcik takdak [tidak ada] simpan. Pakcik dah [sudah] tau [tahu] produk kita keluar sehari banyak ni [ini] kan. Takat [setakat] tu [itu] ja [sahaja]. Kalau lebih tu [itu] tak [tidak] banyak la. Jadi cara penyimpanan tu [itu] pakcik tak [tidak] perlu kalau orang nak [hendak] mai [datang] bagi freezer [peti sejuk] untuk simpan tu [itu] kan tak [tidak] perlu. Sebab pakcik mau [mahu] barang pakcik ni [ini] barang yang fresh [segar]. Pasal benda ni [ini] hari-hari kita buat kita dah [sudah] tau [tahu] dah [sudah] customer [pelanggan] kita berapa banyak. Dan begitulah kalau kita ada permintaan yang lebih kan, kita bagitau [beritahu] dulu. Kalau nak tiga hari [3] atau empat hari [4] sebelum kena bagitau [beritahu] (bunyi kenderaan lalu). Tu [itu] kita bagitau [beritahu] customer [pelanggan] kadang-kadang macam pi [pergi] kenduri, customer [pelanggan] nak [hendak] banyak ka dia maklumkan dulu. Jadi kalau haritu [hari itu] juga dia nak [hendak] haritu [hari itu] juga memang tak [tidak] boleh lah. Sebab pakcik takdak [tiada] stok macam tu [itu]. Buat masa ni [ini] itulah daripada dulu pun macam tu [itu]. Kalau customer [pelanggan] pakcik nak [hendak] banyak, pakcik kata tolong bagitau [beritahu] awal. Tiga hari [3] ataupun dua [2] hari sebelum pakcik boleh buatlah. Kalau haritu [hari itu] juga mai [datang] nak [hendak] ambil memang takda [tiada]. Pasal pakcik buat terhad, boleh pakcik nak [hendak] buat tu [itu] tapi [tetapi] kalau kita nak [hendak] ambil freeze [peti

sejuk] tu [*itu*] simpan, dia punya kualiti dia kita nak [*hendak*] jaga. Pakcik buat tang [*dekat*] kualiti tu [*itu*] pakcik jaga. Kalau kurang elok pakcik tak [*tidak*] buat dah [*sudah*]. Pakcik pi [*pergi*] ambil balik. Tapi [*tetapi*] tinggal tiga [3] hari tu [*itu*]. Dekat-dekat --- kalau tengok agak lama cikit [*sedikit*] ambil balik. Pakcik daripada dulu lagi memang pakcik jaga tentang kualiti produk pakcik.

NS : Macam tuan haji adalah menerima tempahan daripada orang keliling?

THY : Kalau ada insya-Allah. Tempahan kita terima. Selalunya kalau mai [*datang*] kenduri kan, orang buat ikan kering kan, catering macam tu [*itu*] orang tempah la.

NS : Macam haritu [*hari itu*] tahun 2004 kalau tak [*tidak*] salah saya kan ada banjir besar. Lepas [*selepas*] tu [*itu*] kat [*dekat*] sini ada terkena banjir?

THY : Tak [*tidak*]. Sini kalau banjir, orang kata banjir kilat ja [*sahaja*]. Dia takdak [*tiada*] sampai atas ni [*ini*]. Istilah orang kampung ni [*ini*] kata “bah carok”.

NS : Apa itu bah carok?

THY : Carok tu [*itu*] parit-parit kecil daripada sungai ke bukit tu [*itu*]. Sungai-sungai kecil daripada sungai tu [*itu*] dia mencarok (*bunyi kenderaan lalu*). Jadi “bah carok” tu macam tu [*itu*] la.

NS : Adakah tuan haji mempunyai tips ataupun petua yang boleh dikongsikan dalam bidang perniagaan ini?

THY : Petua dia macam tu [itu] lah. Meniaga ni [ini] perlu kejujuran. Kita mesti jujur. Walau keadaan macam mana kita jujur, pembohong tu [itu] jangan guna sekali. Pembohong ni [ini] memang jangan guna sekali. Kalau kita kata kita nak [hendak] cepat kita bohong, tak [tidak] boleh. Sebab sifat bohong tu [itu] sifat munafik. Dah terang-terang (*bunyi kenderaan lalu*) dosa kata. Jadi orang kata bohong ada setengah orang kata takpa [tidak mengapa] kita bohong sunat. Nak [hendak] tarik sunat tu [itu] dalam terang-terangan pembohongan tu [itu] haram. Bubuh [letak] apa sunat buat apa. Bohong tu [itu] sifat orang munafik. Jadi jujur. Kalau jujur ni [ini] insya-Allah --- mungkin kadang-kadang orang kata kalau kita jujur satgi [*sekejap lagi*] kita nak [hendak] pi [pergi] buat --- tak [tidak]. Kejujuran tu [itu] penting. Kalau kita jujur ni [ini] yang nak [hendak] menilai tu [itu] Allah bukan manusia. Yang nak [hendak] bagi rezeki kat [dekat] kita pun Allah bukan manusia. Nak [hendak] bagi keberkatan pun Allah, bukan manusia. Kadang-kadang kita dapat banyak tapi [tetapi] berkat takdak [tiada]. Kadang-kadang dia punya income [pendapatan] sampai sehari lima ratus [500] enam ratus [600] tapi [tetapi] duit tu [itu] pi [pergi] mana. Keberkatan tu [itu]. Pakcik baca berkat tu [itu] penting. Kalau takdak [tiada] berkat ni [ini] banyak masuk (*bunyi kenderaan lalu*). Hutang banyak, ni [ini] banyak, jiwa tak [tidak] tenteram. Jadi itulah macam mana pakcik cakap balik pegang pada agama. Kita nak [hendak] cari jiwa tenteram ni [ini] macam mana. Bukan duit banyak, bukan kita dapat daripada pangkat besar, bukan kita dapat kedudukan nama – tidak. Jiwa takkan [tidak akan] tenteram. Jiwa kita adalah kejujuran keihklasan, insya-Allah jiwa kita tenteram. Kalau nak [hendak] dapat kejujuran tu [itu] kerana kita

ingat Allah - "ala bizikrillahi tatmainnu qulubu" [*zikir*]. Bahawasanya hanya dengan-Mu jiwa akan tenang. Nak [*hendak*] dapat ketenangan tu [*itu*] jiwa yang paling besar. Belum tentu orang yang duit beribu, kereta mewah apa semua, anak-anak masuk kerja belum tentu dia dapat jiwa yang tenang. Mungkin kita tengok penarik beca tu [*itu*] jiwa dia lebih tenang. Untuk mendapat jiwa yang tenang ni [*ini*] Allah kata kena ingat dia. Kenapa kena ingat dia untuk mendapat praktik dan ingat Allah tu [*itu*] dengan keikhlasan, kejujuran. Insya-Allah, Allah bagi (*bunyi kenderaan lalu*). Bercakap sapa [*siapa*] pun boleh cakap. Itu nak [*hendak*] mempraktikkan benda itu semua dari apa-apa segi. (*Bunyi kenderaan lalu*). Keikhlasan ni [*ini*] bukan mudah.

NS : Macam selalu kalau orang meniaga akan ada orang yang lain yang akan dengki. Ada tak orang cuba merosakkan bahan?

THY : Tak [*tidak*]. Tak [*tidak*]. Kalau sekali takpa [*tidak mengapa*] lah. Buat masa ni [*ini*] insya-Allah. Kita jangan cari musuh lah. Walaupun dia tu [*itu*] pesaing kita, mungkin dia takkan [*tidak akan*] musuh dengan kita. Dia akan mungkin kalau perasaan dia mula macam tu [*itu*] _ pakcik sendiri kadang-kadang bayangkan pekerja pakcik. Dia lari daripada pakcik. Dia buat sendiri apa semua. Hati ini memang marah juga sebab tempat-tempat tu [*itu*] memang kawasan pakcik (*bunyi kenderaan lalu*) masa tu [*itu*] marah juga. Macam-macam timbul la. Iblis la timbul. Kacang lupa kulit apa semua, lepas anjing tersepit apa semua tapi [*tetapi*] dia mai [*datang*]. Bila kita nampak balik semua ni [*ini*] kerja Allah ada hikmahnya. Kalau benda tu [*itu*] sebelum ni [*ini*] dia bantu pakcik, pakcik

panggil dia. Jadi kerja-kerja keja apa semua. (*Bunyi kenderaan lalu*). Jadi dia bantu pakcik untuk pasar semua. Dia sekarang ni [*ini*] anak baru nak masuk sekolah. Masa awal tu [*itu*] rasa tapi [*tetapi*] pikir-pikir apa hikmah dia disebalik Allah lakukan benda ni [*ini*] dekat diriku (*bunyi kenderaan lalu*). Sebab dia anak baru nak [*hendak*] sekolah. Baru nak [*hendak*] masuk IPT [*Institut Pengajian Tinggi*]. Perlukan duit banyak. Kalau dia masih bergaduh dengan pakcik, pakcik halalkan. Kalau kita tengok rezeki jauh tak [*tidak*] apa. Tiap-tiap apa yang berlaku ada hikmah. Tapi [*tetapi*] kita kena renung. Baru kita takdak [*tiada*] hasad dengki. Sebab hasad dengki ni [*ini*] kata rasullulah “siapa hasad dengki pada saudaranya kerana lebih, kita termasuk kufur nikmat”. Sebab yang bagi nikmat lebih kat [*dekat*] seseorang tu [*itu*] Allah yang bagi. Bukannya daripada dia, Allah yang bagi. Jadi kita dengki pulak, jadi kita kufur balik kepada Allah. Tu [*itu*] orang kata “apa hal pun kita kalau rujuk balik pada agama ---”.

TAMAT BAHAGIAN 1

KASET B BAHAGIAN 2: PERKEMBANGAN TEMPE DAN NASIHAT.

THY : Pasal modal tadi, pakcik dok [*tengah*] pinjam TEKUN. Pastu [*selepas itu*] Amanah Ikhtiar. Pakcik pinjam Ikhtiar kan (*bunyi kenderaan lalu*). Pastu [*selepas itu*] pakcik nak [*hendak*] buat orang kata buat kaji selidik sendiri lah apa yang orang kata keberkatan tu [*itu*] takdak [*tiada*] kalau kita pinjam. Memang berlaku. Dia maksud macam tu [*itu*] jugak [*juga*], tapi tak [*tidak*] larat - tak [*tidak*] larat dia nak [*hendak*] simpan. Jadi cukup seminggu dah --- jadi dia bayaq [*bayar*] balik duit tu [*itu*] (*bunyi kenderaan lalu*). Pakcik yakinlah tu [*itu*]. Keberkatan duit ada rezeki masuk jugak [*juga*] tapi keberkatan itu ada [*batuk*]. Tengok kan, pakcik buat keputusan la kata kita cari duit tu [*itu*] kita bayaq [*bayar*] balik sekaligus pinjaman tu. Walaupun kita dapat cikit [*sedikit*] pun kita rasa lain. Itu pengalaman pakcik lah. Kalau Amanah Ikhtiar, Amanah Ikhtiar. Tapi dia buat konsep islam dalam tu [*itu*] kan [*batuk*]. Macam mana tak [*tidak*] tau [*tahu*] mungkin istilah macam guru pakcik pernah kata kita boleh pinjam tapi keberkatan tu [*itu*] boleh kepada orang yang bagi pinjam (*bunyi burung*). Betul yang tu [*itu*]. Jadi bukan _ _ _ pakcik cuba. Memang daripada tu [*itu*], pakcik tak [*tidak*] nak [*hendak*] pinjam. Malam malam pakcik kata pakcik niaga setakat ni [*ini*] - cuma apa-apa kalau kita kata perlu banyak sikit [*sedikit*] pinjam juga la kat keluarga tu [*itu*], untuk nak [*hendak*] beli kacang kan - dimana kita pinjam ribu-ribu pinjam dalam dua tiga hari bayar balik macam tu juga lah. Jadi kot [*kalau*] kita nak [*hendak*] buat pinjaman tetap apa duit modal pusingan tapi kita tak buat [*bunyi kenderaan*]. Apa pun kata pakcik punya akaun _ tak [*tidak*] -

untuk buka ni [ini] la dak [tidak] .Cuma akaun biasa ja [sahaja]. Jadi macam pakcik daripada dulu sampai ke harini [hari ini] pakcik stok takdak [tiada]. Paling banyak pun dalam dua [2] guni tiga [3] guni itu ja [sahaja]. Kot [kalau] nak amik [ambil] stok sampai sepuluh [10] guni ka lima [5] guni ka tak [tidak]. Cuma macam plastik ni [ini] (menunjuk bungkusan tempe) banyak lah pakcik terpaksa pasal kita nak [hendak] pi [pergi] --- mahal. Sebab dia tempah kan. Dia kata paling kurang pun seratus [100] kilo. Itu memang banyak. Hat [yang] tu orang kata terpaksa.

NS : Macam yang design [rekaan] packet [bungkusan] idea sapa [siapa]?

THY : [Bunyi kicauan burung] Mula pakcik bagi orang-orang kedai ni [ini]. Pakcik bagi orang hat [yang] ahli design [rekaan] juga la. Pastu [selepas itu] dia buat-buat dia tunjuk kat [dekat] pakcik - design [rekaan] depa cuma olah balik logo-logo yang lain ni [ini] kan. Ni [ini] pakcik masuk yang lain pulak ni [ini]. Tapi hat [yang] ni [ini] ja [sahaja] yang suspen [mendebarkan] (ketawa), sehinggakan pejabat agama sendiri tanya pakcik ni [ini]. Ada setengah seminar ja [sahaja] pakcik pi [pergi] pakcik bawa la anak pakcik. Dia tengok-tengok pakcik "itu ada sijil halal ka?" dia tanya. Kata ana [saya] "cop halal ada lah, sijil halal takdak [tiada]". Pegawai agama kata salah (bunyi kenderaan lalu). Salah dari segi undang-undang. Takpa [tidak mengapa] lah dari segi undang-undang. Tapi [tetapi] pakcik ni [ini] orang jenis orang tua dia banyak cakap sikit [sedikit] lah (ketawa). (Bunyi kenderaan lalu) "Tuan saya nak tanya kalau kata ada sijil halal apa smua apakah yang betul-betul menjamin sesuatu produk tu ha

lam alif lam ni -- ataupun sijil -- ataupun pegawai yang mai buat check -- ataupun pejabat agama''. Tapi [*tetapi*] ana [*saya*] kata bagi ana [*saya*] ‘‘produk ana [*saya*], ana [*saya*] bertanggungjawab tentang halal sehingga sampai ke akhirat’’. Dia kata segi undang-undang dia kata (*bunyi kenderaan lalu*). Takpa [*tidak mengapa*].

NS : **Macam ni [*ini*] (*menunjuk kepada bungkusan tempe*) dia memang setiap hari akan dipasarkan?**

THY : *Insyallah*. Tiap-tiap hari (*bunyi kenderaan*).

NS : **Ok [*baik*], Kalau macam sesiapa yang macam minat nak masuk dalam bidang business [*perniagaan*] ni [*ini*] apa nasihat yang tuan haji nak [*hendak*] bagi?**

THY : Oklah [*baiklah*], pertama betul-betul kita ada keyakinan. Pentingnya keyakinan tu [*itu*]. Kalau kita nak [*hendak*] jadi sama ada kita letak aku ni [*ini*] nak [*hendak*] jadi pengusaha atau peniaga. Pastikan dulu. Kita kena tau [*tahu*] pulak [*pula*] macam mana fungsi apa macam peniaga --- pengusaha. Kalau pengusaha betul-betul dia kena bulatkan hati dia macam mana jadi pengusaha dan peniaga pun begitu juga. Jangan kita buat orang kata sambil lewa. Buat sebab setiap apa bidang sekalipun Allah akan uji. Tangtu [*dekat situ*] lah klau kita sekali diuji kita dah (*bunyi kenderaan lalu*) tolak lari tak sampai ke mana. Itu dari segi bukan cakap tempe ja apa saja, klau kata meniaga ni mesti kita betul-betul kena yakin. Keyakinan - pentinglah keyakinan kita pada diri. Hat [*yang*] tu [*itu*] kita

tawakal sebab dalam al-quran kata tawakal berazam tawakaltu ala allah. Kita berazam sesuatu kita serah kat [*dekat*] Allah baru kita buat. Kita azam tu [*itu*] penting. Kita takdak [*tiada*] kita tengok orang buat kita buat takyah [*tidak payah*] buatlah. Toksah [*jangan*] camtu [*macam itu*] bialah [*biar*] azam kita betul-betul pastu [*selepas itu*] kita serah kat [*dekat*] Allah. Penting apa yang kita buat. Jangan kita kata kita _ _ _ jangan sekali-kali kita, Allah tu [*itu*] kita _ itu tak [*tidak*] kena. Kita buat marah kat [*dekat*] Allah la. Boleh jadi Allah tu [*itu*] kita belakang usaha kita dulu. Itu tak [*tidak*] kena. Itu cara prinsip pakcik sebab dalam al-quran kata azam tawakaltu ala allah. Kita azam kita serah kat Allah, usaha kita tu sampingan barulah nak dapat. Teralih [*terbalik*] sekarang tu [*itu*] selalunya kalau kita berusaha la kita berusaha kat [*dekat*] Allah. Prinsip tu [*itu*] pakcik kata takleh [*tidak boleh*] pakai. Kita serah kat [*dekat*] Allah la lepas tu [*itu*] sampingan ja [*sahaja*] usaha kita baru kita nak [*hendak*] dapat. Begitulah anak-anak ni [*ini*] (*bunyi motor lalu*) macam tu [*itu*] juga, insya-Allah pertolongan Allah akan datang.

NS : **Andai kata (*ketawa*) kalau anak tuan haji tidak berminat dalam bidang perniagaan, kepada siapakah tuan haji akan mewariskan perniagaan ini?**

THY : Buat masa ni [*ini*] memang tak [*tidak*] nampak. Kalau kata daripada takdak [*tiada*] minat lah, memang pakcik tak [*tidak*] nampak sebab orang yang mula. Sebab tu [*itu*] pakcik didik dia walaupun dalam sekolah, sekolah tu [*itu*] kira-kira dia balik asrama kan, pakcik tunjuk cara macam mana. Sayangnya dia dok [*tengah*] masa di IPT dulu kan last [*terakhir*], terakhir pun pakcik kata hang

[*awak*] jangan dok [*hendak*] mintak keja lain. Hang [*awak*] kot [*macam*] mana pun balik keja [*kerja*] dengan ayah, sambung keja [*kerja*] ayah. Dia balik dia sambung lepas tu [*itu*] kata kalau keja [*kerja*] yang tak [*tidak*] boleh tinggal tempe ni [*ini*] minta. Sebab kata rezeki tu [*itu*] --- dengan cara dia minta --minta guru Kafa dapat. Jadilah sampai seminggu tiga [3] kali lah kira tiga [3] hari la. Itulah (*bunyi kenderaan*). Jadi setakat ni [*ini*] alhamdulillah lah apa pertolongan Allah tu [*itu*] banyak. Apa hajat pakcik Allah sampaikan sempurna (*bunyi motor lalu*). --- Sat [*sekejap*] lagi tu [*itu*], panas lagi _ tak larat duduk tengah panas (*ketawa*) - satgi [*sekejap lagi*] kering badan.

NS : **Macam kami kan pelajar, apa pesanan tuan haji la untuk kami?**

THY : Itulah, takdak [*tiada*] lain pakcik nak [*hendak*] peringat [*ingatkan*]. Apa-apa pun kita ni [*ini*] buat masa ni [*ini*] masa la masa menuntut. Tumpukan perhatian kita untuk ilmu (*bunyi kenderaan lalu*), jangan dok [*hendak*] pikir kot [*yang*] len [*lain*]. Yang kedua, apa-apa yang buat tumpu dengan penuh dan jangan orang kata melibatkan --- kalau kata apa yang luar lah, luar daripada sekolah aktiviti yang lain jangan libat langsung sebab anak-anak kena tumpu sebagai satu kewajipan. Sebagai student [*pelajar*] itu satu kewajipan. Bukan setakat ni [*ini*] bukan. Kewajipan yang perintah kita lah. Untuk ilmu sebab tengah menuntut ilmu fardhu ain bukannya depa [*mereka*] tu [*itu*] kata fardhu ain tu [*itu*] dia nak [*hendak*] menuntut ilmu tu [*itu*] ja [*sahaja*]. Ini fardhu ain juga. Insha allah satu bila kita keluar kita bidang ni [*ini*], kita boleh bekerja mengikut bidang ni [*ini*]. Kita dah [*sudah*] boleh buat satu fardhu kifayah. Bukan kadang-kadang kata aku

nak [hendak] disisi agama kita kena tau [tahu] dak [tidak]. Agama ni [ini] luas, merangkumi luas. Jangan sesekali kita sempitkan agama (*bunyi kenderaan lalu*). Tak [tidak] boleh mintak [minta] (*bunyi kenderaan lalu*) agama tu [itu] cakup tak [tidak] betul. Cuma individu tu [itu] saja [sahaja] yang nak [hendak] menyempitkan agama. Tapi [tetapi] kalau kita kenal islam ni [ini], islam tak [tidak] sempit. Walau keadaan macam mana kita duduk walaupun kita student [pelajar] ka macam tu [itu] la kita keluar. Macam kita cakap kat [dekat] anak kita student [pelajar], macam mana tanggungjawab kita sebagai student [pelajar]. Gunakan sepenuh. Jangan masa kita student [pelajar] ni [ini] kita nak [hendak] guna masa untuk aktiviti-aktiviti lain dekat luar itu salah. Memang tak [tidak] boleh. Insya-Allah usaha tangga kejayaan. Dah [sudah] abes [habis] dah [sudah] exam [peperiksaan] takpa [tidak mengapa] (*ketawa*). Lani [sekarang ini] jangan dok [hendak] buat yang lain lagi aktiviti luar jangan lagi. Tumpu dulu. Lepas [selepas] exam ni [ini] ok [baik]. Hat [yang] tu [itu] nasihat pakcik. Anak-anak ni [ini] macam anak pakcik juga. Ok [baik] tak [tidak] abes [habis] lagi?

NS : Ok [baik] rasanya cukup dah [sudah] kot [kan] kami dah dapat segala maklumat dan lebih mendapat daripada tuan haji. Lepas tu [itu] kami ucapkan terima kasih la dekat tuan haji sebab sudi luang masa lepas tu [itu] bagi makan-makan minum. Terima kasih banyak-banyak.

THY : --- Pakcik hajat anak-anak kewajipan pakcik, kena tunai juga. Bukan nanti hajat yang ni [ini] tu [itu] satu kewajipan tu [itu].

TAMAT BAHAGIAN 2

RUJUKAN

RUJUKAN

KOSMO. (2008). *Tempe pernah disangka lepat pisang. Kosmo Online*. Retrieved from http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=0316&pub=Kosmo&seRencana_Utama&pg=ru_01.htm

Nurul Zahidah Binti Haji Yusob (Daughter of Haji Yusob) . Retrieved from March 29, 2015.

Utusan. (2011). *Tempe tani diterima ramai. Utusan Online*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Utara&pg=wu_03.htm

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Norsyamimi Bt Ghazali dan Nur Azura Bt Idris menemubual Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah, yang dilahirkan pada 1954, di Jitra, Kedah. Temubual dijalankan di rumah beliau di Kampung Lubuk Ipoh, Bukit Malau, Jitra, Kedah, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang usahawan tempe tani dari tahun 1983 hingga 2015.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.00	Bercerita mengenai latar belakang tuan haji	Tuan Haji Yusob bin Hanapiah
0.03	Memberitahu tentang kegiatan atau persatuan yang disertai dahulu	Tuan Haji Yusob bin Hanapiah
0.09	Menceritakan serba sedikit tentang kehidupan semasa bersekolah	Tuan Haji Yusob bin Hanapiah
0.13	Menceritakan sejarah awal membuat tempe	Tuan Haji Yusob bin Hanapiah
0.23	Memberitahu umur mula bergiat dengan pemprosesan tempe	Tuan Haji Yusob bin Hanapiah
0.26	Bertanya tentang penerimaan awal orang sekeliling	Norsyamimi binti Ghazali

0.37	Bertanya tentang ketahanan tempe	Norsyamimi binti Ghazali
0.40	Berbicara tentang pekerja dan pelanggan tuan haji	Tuan haji Yusob bin Hanapiah Norsyamimi binti Ghazali
0.41	Bercerita tentang pemrosesan tempe	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
0.49	Persaingan dalam memasarkan tempe	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
0.52	Perbezaan tempe tani dan yang lain	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
0.57	Bercakap tentang GST	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.04	Bercakap tentang modal	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.13	Bercakap tentang pengeluaran tempe	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.15	Bercakap tentang pemasaran dan perancangan masa depan	Tuan haji Yusob bin Hanapiah

BAHAGIAN 2 : MODAL TEMPE DAN NASIHAT

1.25	Faktor pemilihan tempe tani	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.28	Motivasi, inspirasi serta idola	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.46	Mesin yang digunakan	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.53	Penyimpanan tempe	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.58	Tips atau petua	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.1.11	Rekaan paket tempe	Tuan haji Yusob bin Hanapiah
1.21.00	Pesanan tuan haji	Tuan haji Yusob bin Hanapiah

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00pm – 9.00 pm	01 Apr 2015	Menyenaraikan nama- nama tokoh untuk ditemubual: i. Noorashikin Onn ii. Datin Mina Cheah iii. Haji Yusob	Pilih satu tokoh sahaja
10.00pg - 12.00pg	08 Apr 2015	Membuat Kajian. Mencari maklumat berkaitan tokoh yang dipilih melalui internet.	Tuan Haji Yusob Bin Hanapiah
9.00pg - 11.00pg	09 Apr 2015	Petama kali menghubungi anak tokoh. Bertanyakan maklumat lebih lanjut mengenai tokoh iaitu ayah beliau.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
4.00ptg – 4.15ptg	10 Apr 2015	Panggilan Telefon Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	Dapatkan persetujuan
10.00pg - 12.00pg	22 Apr 2015	Membuat Soalan Setelah maklumat didapati, soalan dibuat berdasarkan maklumat yang ada.	Latar belakang, pendidikan, pengalaman tempe
8.00am – 8.45am	27 Apr 2015	Mendapatkan surat kebenaran. Mendapatkan tandatangan pihak Uitm untuk mendapatkan keizinan untuk menemebual.	Tandatangan dari KP.

2.00ptg– 2.15ptg	03 Mei 2015	<p>Panggilan Telefon</p> <p>Membuat panggilan telepon kepada tokoh untuk kali kedua. Panggilan adalah untuk menanyakan masa yang sesuai untuk ditemuramah.</p>	<p>Menetapkan tarikh dan masa untuk menemuramah</p>
3.00ptg – 5.00 ptg	07 Mei 2015	<p>Perjumpaan bersama tokoh</p> <p>Perjumpaan berlaku di kediaman tokoh bertujuan untuk memudahkan proses wawancara.</p>	<p>Proses wawancara dilakukan</p>

SENARAI SOALAN

NORSYAMIMI BINTI GHAZALI (2013527581) & NUR AZURA BINTI IDRIS (2013957003)

IM245 5B

Nama Tokoh: HAJI YUSOB BIN HANAPIAH

(Pengusaha Tempe Tani)

Bidang: Keusahawanan

Pengenalan Awal Latar Belakang

1. Siapakah nama penuh tuan haji?
2. Bilakah tuan haji dilahirkan?
3. Dimanakah tuan haji dilahirkan dan dibesarkan?
4. Adakah tuan haji mempunyai nama timangan? Jika ada, apakah nama timangan tuan haji?
5. Sepanjang hidup tuan haji, apakah kenangan manis yang tak dapat tuan haji lupakan?
6. Apakah hobi tuan haji?
7. Apakah cita cita tuan haji?
8. Jika ada masa lapang, apakah aktiviti yang tuan haji lakukan bersama keluarga?

Latar Belakang Keluarga Tuan Haji

9. Siapakah nama ibu tuan haji?
10. Siapakah nama ayah tuan haji?
11. Berapakah bilangan adik-beradik tuan haji?
12. Tuan haji anak yang ke berapakah?
13. Berapakah umur tuan haji sekarang?
14. Siapakah nama isteri tuan haji?
15. Berapakah umur isteri tuan haji?
16. Apakah pekerjaan isteri tuan haji?
17. Pada tahun bilakah tuan haji menamatkan zaman bujang?

18. Berapakah bilangan anak-anak tuan haji?

Sejarah Pendidikan

19. Bolehkah tuan haji menceritakan sedikit tentang latar belakang pendidikan tuan haji?

20. Apakah nama sekolah rendah Tuan Haji menuntut dahulu?

Sejarah Pekerjaan Awal

21. Bolehkah tuan haji berkongsi dengan kami pekerjaan pertama yang tuan haji lakukan sebelum menceburi bidang usahawan?

22. Mengapakah tuan haji berminat untuk menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya?

23. Berapa lamakah tuan haji bekerja sebagai seorang petani?

24. Mengapakah tuan haji mengambil keputusan untuk menjadi seorang usahawan tempe?

25. Sewaktu menjadi seorang petani dahulu, adakah tuan haji melakukan pekerjaan lain sebagai sampingan?

26. Apakah yang menarik minat tuan haji untuk menceburi bidang usahawan?

Sejarah Penglibatan Dalam Perusahaan Tempe Tani

27. Kami dimaklumkan bahawa tuan haji merupakan seorang usahawan yang berjaya. Apa bidang perniagaan yang tuan haji ceburi?

28. Apakah tujuan tuan haji dalam menjual tempe?

29. Selain daripada menjual tempe, adakah tuan haji melakukan pekerjaan sampingan yang lain?

30. Bagaimana tuan haji mendapat idea untuk mengusahakan tempe?

31. Bagaimanakah penerimaan orang sekeliling tentang tempe tani sewaktu pertama kali diperkenalkan?

32. Berapa lama masa diambil untuk menjadi pengusaha tempe?

33. Apakah pengalaman pertama kali memperkenalkan tempe di kawasan utara ini?

34. Sepanjang menceburi bidang penjualan tempe tani ini, apakah pengalaman yang paling tuan haji tidak boleh lupakan?

35. Apakah rintangan yang dihadapi oleh tuan haji sepanjang menceburi bidang ini?

36. Apakah usaha yang tuan haji lakukan dalam menempuh rintangan tersebut?
37. Apakah pesanan terakhir tuan haji pada mereka yang ingin menjadi seorang usahawan?
38. Bagaimana tuan haji bermula dalam perusahaan tempe tani ini?
39. Bagaimana tuan haji dapatkan bimbingan dalam perniagaan ini?
40. Apakah nama produk yang diusahakan oleh tuan haji?
41. Mengapakah tuan haji memilih nama tersebut?
42. Bolehkah tuan haji menceritakan serba sedikit tentang tempe tani?
43. Apa kandungan tempe tani yang digunakan oleh tuan haji?
44. Apakah khasiat tempe tani?
45. Adakah tempe tani dapat merawat penyakit?
46. Apakah keistimewaan tempe tani?
47. Berapakah modal yang diperlukan dalam membuat tempe tani?
48. Dari manakah tuan haji mendapatkan sumber sumber untuk memproses tempe tani?
49. Dimanakah tempat yang selalu tuan haji gunakan untuk memproses tempe tani?
50. Dari manakah tuan haji belajar membuat tempe?
51. Adakah sukar proses pembuatan tempe tani ini?
52. Bagaimana tuan haji menarik minat orang sekeliling untuk membeli tempe tani?
53. Boleh tuan haji ceritakan sedikit mengenai proses pembuatan tempe tani ini?
54. Dalam memproses tempe ini, adakah memerlukan kemahiran khas atau sesiapa sahaja bole memproses tempe tani ini?
55. Berapakah jumlah perolehan dalam sehari yang diperolehi oleh tuan haji?
56. Bagaimana tuan haji memasarkan tempe tani di pasaran?
57. Bilakah tuan haji mula berniaga?
58. Apakah perubahan yang tuan haji sudah lakukan dari awal tuan haji memasarkan tempe tani hingga sekarang?
59. Jika dulu, tuan haji menggunakan daun pokok lerat untuk membalut tempe tapi kini tuan haji tidak lagi membalut menggunakan daun tersebut. Mengapakah?
60. Adakah tuan haji mempunyai laman sosial yang khas dalam menguruskan bidang penjualan tempe ini?

61. Apakah teknik pemasaran yang tuan haji gunakan untuk mempromosikan tempe tani?
62. Adakah tuan haji memang mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan?
63. Apakah sebenarnya yang membuatkan tuan haji cenderung untuk memilih tempe tani sebagai jualan?
64. Sebelum ini tuan haji merupakan seorang petani. Apakah perbezaan menjadi seorang petani dan seorang usahawan?
65. Adakah tuan haji mempunyai pekerja sendiri dalam membantu mengusahakan tempe tani?
66. Jika ada, berapa orang pekerja tuan haji?
67. Adakah ahli keluarga tuan haji turut membantu dalam mengusahakan tempe ini?
68. Kebiasaannya dimanakah tempe tani ini dipasarkan?
69. Selalunya tuan haji melakukan proses pembuatan tempe pada waktu bila?
70. Bagaimanakah reaksi pelanggan sewaktu mula-mula tempe tani ini diperkenalkan?
71. Kami difahamkan tempe tani tuan haji sangat terkenal di negeri-negeri utara. Adakah tempe tani ini dipasarkan di negeri-negeri lain juga?
72. Jika ada dipasarkan di negeri negeri lain, bagaimanakah tuan haji melakukan proses penghantaran ke negeri tersebut?
73. Adakah tuan haji mempunyai cawangan di negeri lain?
74. Jika tiada, adakah tuan haji ingin membuka cawangan dinegeri lain?
75. Apakah yang membezakan tempe tani tuan haji dengan tempe-tempe yang lain?
76. Dalam sehari, berapa banyak tempe yang mampu dihasilkan?
77. Adakah tempe ini dijual pada setiap hari?
78. Berapakah harga sepeket tempe tani yang dijual?
79. Dari mana tuan haji mendapatkan modal untuk menjalankan perniagaan ini?
80. Siapakah yang banyak memberi sokongan kepada tuan haji untuk menjalankan perniagaan ini?
81. Siapakah usahawan berjaya yang paling tuan haji minati?
82. Bagaimanakah tuan haji membahagikan masa antara keluarga dan perniagaan?
83. Adakah tuan haji mempunyai rancangan pada masa akan datang?
84. Jika ada, apakah rancangannya?

85. Siapakah yang akan menguruskan hal peniagaan sekiranya tuan haji bercuti?
86. Adakah suatu hari nanti tuan haji akan mewariskan perniagaan ini kepada anak-anak tuan haji?
87. Adakah tempe tani mendapat persaingan yang sengit di pasaran?
88. Jika ada, bagaimana tuan haji mengatasinya?
89. Selain berniaga, adakah tuan haji menerima permintaan dari pelanggan?
90. Jika ada, bagaimana pelanggan mencari tuan haji untuk tempahan?
91. Adakah tuan haji hanya menerima tempahan dari orang-orang yang berdekatan sahaja?
92. Apakah rahsia dibalik kejayaan tuan haji?
93. Pada tahun 2004, banjir besar telah melanda negeri Kedah, adakah tuan haji turut menjadi mangsa?
94. Jika ya, bagaimana dengan tempe-tempe tuan haji?
95. Apakah nasihat yang boleh tuan haji beri kepada kami sebagai pelajar?
96. Jika suatu hari nanti kami berminat untuk menceburi bidang usahawan, apakah nasihat tuan haji kepada kami?
97. Apakah nasihat yang boleh tuan haji beri kepada mereka yang ingin mengikut seperti jejak langkah tuan haji?
98. Apakah matlamat tuan haji dalam mengusahakan tempe tani?
99. Apakah perancangan masa hadapan tuan haji dalam perniagaan tempe tani ini?
100. Apakah usaha tuan haji dalam memajukan serta mengembangkan lagi perniagaan tuan haji?

SURAT PERJANJIAN TOKOH



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..9 Mei 2015.. (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan perkomersilan. Dipersetujui pada ..9 Mei 2015..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Tokoh)

.....
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Bersama Tuan Haji Yusob

LAMPIRAN 2



Gambar 2: Tuan Haji Yusob

LAMPIRAN 3

The screenshot shows the homepage of Utusan ONLINE. At the top, there is a navigation bar with the site logo, a 'LIVE' indicator, and social media icons. Below this is a search bar with the text 'saya nak baca..'. A secondary navigation bar lists various news categories: Berita, Video, Rencana, Hiburan, Bisnes, Pendidikan, Sains & Teknologi, Gaya Hidup, Sukan, and Lain-lain. A large red banner for CIMB ISLAMIC is visible. The main content area features a news article titled 'Utara' with the sub-headline 'Tempe Tani diterima ramai' and a byline 'Ditulis oleh SAFIRA RAJAG'. The article text describes the popularity of tempe in the northern region of Malaysia. To the right of the article is a photo of a woman and a man working with green tempe blocks. Below the article are several sidebar widgets: a prayer time table for Kuala Lumpur, a 'SEBANYAK ONLINE BERSAMA DATUK ROSAM NOR' announcement, a 'TENAGA NASIONAL' advertisement, and a list of radio stations including 'Dengar Radio FM', 'Radio Suara FM', 'Radio Suara FM', 'Radio Suara FM', and 'Radio Suara FM'.

Gambar 3: Keratan Akhbar Online

INDEX

A

Agensi agensi 5

Asid 13

Amanah Ikhtiar 40

B

Bersih 13

D

Daun leret 18

J

Jawa 11, 12

K

Kacang soya 13, 15, 18, 19, 33,

Kulat 10, 11, 17

M

MARDI 14, 15

N

NGO 3

P

Persaingan 16

R

Ragi 13

Rebus 13

T

Tepung 13

TEKUN 40

Tos 13